SEJAK 1971
SUARA DARI MENARA ILMU

BERITA KAMPUS

ISNIN 9 Mac 2015 | Jilid 44 Bil 7 | RM1.00 | bkusm11@yahoo.com | ISSN 1397-7443

LAPORAN KHAS Uniknya Peranakan India | 10-12



SEKITAR KAMPUS
Rekaan USM diiktiraf | 8



RENCANA
Galeri unik untuk 'si kaki' gambar | 13

Kosongkan segera barang di stor

Masalah lambakan barangan penghuni yang tidak dituntut di stor Desasiswa Indah Kembara (IK) selepas waktu yang ditetapkan menyukarkan perlaksanaan kerja pengurusan desasiswa dan kakitangan pencucian.

Perkara demikian berlaku apabila terdapat sebilangan penghuninya yang memandang remeh notis tarikh akhir mengambil barangan di stor yang ditampal di pintu masuk stor.

Penggawa Desasiswa Indah Kembara, Tuan Haji Mohd Zain Dollah berkata, perkara itu menyukarkan pengurusan desasiswa dan kerja pencucian apabila terpaksa mengambil masa untuk mengemas stor bagi penyimpanan barang-barangan dan perabot-perabot desasiswa yang perlu dilupuskan dan penyimpanan stok baru.

Jelasnya, pengurusan desasiswa terpaksa menggunakan bilik kediaman di desasiswa tersebut sebagai simpanan barangan stok baru dan barangan yang perlu dilupuskan.

"Pengurusan desasiswa memandang serius masalah ini dan akan mengambil tindakan terhadap penghuni yang ingkar mengambil semula barangan di stor selepas waktu yang di tetapkan.

"Selepas waktu yang ditetapkan pengurusan desasiswa akan cuba menghubungi pemilik barangan tersebut dan perlu dituntut dalam tempoh terdekat, sekiranya barang tersebut tidak dituntut ia akan dilupuskan dan denda akan dikenakan minimum RM50", katanya.

Menurut Mohd Zain, penyediaan perkhimatan stor sebenarnya tidak termaktub dalam polisi universiti dan bukan menjadi tanggungjawab oleh mana-mana desasiswa untuk menyediakan perkhidmatan stor kepada penghuninya.

Berikutan itu, katanya, beliau bercadang untuk menghapuskan perkhidmatan stor pada masa akan datang dan ia menjadi tanggungjawab penghuni itu sendiri untuk penyimpanan barangan, malah menggalakkan siswa-siswi supaya tidak membawa barangan yang terlalu banyak ke universiti.



TANGKAS
Pemain ragbi UiTM Pulau Pinang B (jersi kuning hitam) diasak teruk oleh pemain Politeknik Dungun dalam Kejohanan Ragbi USM 7's 2015 di Padang C, Universiti Sains Malaysia. Gambar oleh Muhammad Suhaib Mohd Shapiee.

Bayar yuran pengajian sebelum peperiksaan

Oleh **AU TSE EN NICOLE**

Ketidakpekaan siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) untuk membayar yuran pengajian semester lepas yang melebihi RM500 menyebabkan segelintir daripada mereka gagal untuk mendaftar kursus bagi semester baru.

Menurut Penolong Bendahari Bahagian Perkhidmatan Kewangan USM, Saliza Mohd Saad, setakat pada 31 Disember 2014, terdapat 1,320 orang siswa-siswi USM yang belum melangsaikan hutang mereka.

Beliau berkata pada awal setiap semester, siswa-siswi akan beratur panjang di kaunter Jabatan Bendahari USM untuk melangsaikan hutang selepas mereka dihalang daripada mendaftarkan kursus untuk semester yang seterusnya.

Menurut beliau, siswa-siswi tidak memanfaatkan portal eFAS yang disediakan di laman web campusonline.

"Siswa-siswi USM sebenarnya boleh memeriksa penyata yuran dan membayar yuran mereka melalui ePayment di portal eFAS pada bila-bila masa. Akan tetapi, mereka tidak mempunyai kesedaran untuk membuat demikian sepanjang semester, dan hanya selepas mereka dihalang daripada mendaftarkan kursus baru, baru mereka melangsaikan hutang", ujar beliau.

Tambah beliau, walaupun terdapat siswa-siswi yang menerima wang daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) setiap semester dan yuran akan ditolak daripada wang PTPTN secara automatik, siswa-siswi harus memastikan jumlah wang yang ditolak adalah betul dengan melayari portal eFAS.

"Siswa-siswi USM dinasihatkan untuk memanfaatkan portal eFAS dan memeriksa penyata yuran secara kerap. Sekiranya sesiapa menghadapi masalah untuk menggunakan portal eFAS atas talian, kakitangan Jabatan Bendahari sentiasa bersedia untuk membantu", kata beliau.

> "Siswa-siswi USM sebenarnya boleh memeriksa penyata yuran dan membayar yuran mereka melalui ePayment di portal eFAS pada bila-bila masa."
>
> Penolong Bendahari Bahagian Perkhidmatan Kewangan USM Saliza Mohd Saad

AKHBAR MAKMAL PELAJAR KEWARTAWANAN, PUSAT PENGAJIAN KOMUNIKASI, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.

Bersatulah sepanjang masa

Tahun 2014 mungkin menjadi tahun yang paling diingati oleh semua rakyat Malaysia. Insiden tiga nahas udara yang melibatkan syarikat penerbangan milik Malaysia dan banjir terburuk yang melanda negara masih terpahat di ingatan walaupun 2014 telah perlahan-lahan meninggalkan kita.

Ketika banjir besar baru-baru ini, rakyat Malaysia melihat sendiri kesungguhan antara satu sama lain yang menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir tanpa mengira kaum, bangsa, agama dan parti politik. Media Malaysia menonjolkan usaha ini sehingga menjadikan Malaysia dipandang tinggi di persada antarabangsa. Perkara pertama yang terlintas dalam minda masyarakat antarabangsa adalah keprihatinan dan kesudian rakyat Malaysia untuk membantu sesiapa sahaja yang dalam kesusahan.

Sikap prihatin, pemurah dan bertanggungjawab sememangnya sudah sebati dalam diri rakyat Malaysia. Baik semasa berlakunya sesuatu musibah, konflik berdarah mahupun masalah kecil, namun, rakyat Malaysia tidak pernah kekok untuk menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan terutama kepada golongan yang tidak bernasib baik.

Walaupun segelintir masyarakat masih sederhana tahap kehidupan dan pemikirannya, namun, itu semua tidak menghalang kita sebagai masyarakat yang berbilang bangsa untuk bersatu padu ketika negara dilanda musibah. Ada di antara rakyat Malaysia yang berpendapatan sederhana, tetapi sanggup mengeluarkan wang dan menderma barangan sendiri untuk membantu mangsa banjir. Mereka tetap menghulurkan bantuan dalam jumlah yang kecil kerana mereka memahami bahawa mangsa banjir amat terkesan. Lebih-lebih lagi mereka bukan saja kehilangan tempat tinggal dalam keadaan sehelai sepinggang, malah, ada dugaan lebih hebat lagi apabila ada yang diuji dengan kehilangan insan tersayang.

Pada ketika inilah mereka semua memerlukan bantuan dan sokongan daripada kita semua untuk kembali pulih dari detik-detik sukar dan bersemangat untuk meneruskan kehidupan seperti sedia kala. Pelbagai bantuan dari segi kewangan, keperluan asas dan moral dihulurkan kepada mangsa banjir.

Parti politik MCA juga turut terlibat dalam usaha meringankan beban mangsa banjir dengan mengumpul RM4 juta lebih untuk disumbangkan. Walaupun majoriti penduduk di Pantai Timur terdiri daripada masyarakat Melayu dan beragama Islam, tetapi MCA membuktikan bahawa agama dan bangsa tidak membataskan keprihatinan rakyat yang berbeza agama, bangsa dan kaum untuk saling membantu antara satu sama lain.

Dalam situasi yang melanda negara sekarang, rakyat Malaysia seharusnya bersatu sepanjang masa bagi memastikan negara tidak diresapi dengan elemen-elemen subversif yang boleh memudaratkan negara. Pada masa yang sama juga, rakyat Malaysia wajar mengubah mentaliti lama kononnya perpaduan dan keamanan yang dikecapi oleh negara selama ini akan kekal buat selama-lamanya. Bagi mereka yang berfikiran sedemikian, ia jelas satu pandangan yang kurang bijak dan naif. Pada hakikatnya perpaduan mestilah sentiasa dipupuk dan kita semua perlu sama-sama menjaga keamanan dan keharmonian ini untuk kesenangan semua pihak.

Banjir - masih ada yang prihatin

Baru-baru ini, negara telah dikejutkan dengan bencana banjir terburuk yang berlaku dalam masa 30 tahun.

Berbicara tentang situasi selepas bencana bukanlah sebuah topik yang menyenangkan kerana setelah berjaya mengharungi detik-detik bahaya, cabaran yang paling sukar ialah membina semula kehidupan mereka.

Terdapat sebahagian daripada mereka yang kehilangan tempat tinggal dan juga pekerjaan. Bagaimana mahu membina kehidupan yang baru jika tidak mempunyai sumber pendapatan? Bantuan berbentuk keperluan asas hanya bersifat sementara dan mangsa masih memerlukan bantuan jangka panjang.

Pada waktu ini, gambar-gambar dan berita tentang kesengsaraan mereka mula tersebar dan komuniti internet meluahkan simpati dan mencadangkan penyelesaian dan tidak kurang juga menyalahkan pihak tertentu yang didakwa tidak menjalankan tanggungjawab mereka.

Namun begitu, kisah yang paling menyentuh hati dan terpampang di laman media sosial ialah sukarelawan yang terdiri daripada kalangan rakyat biasa, bertungkus-lumus untuk membantu mangsa banjir dengan mengeluarkan modal dan tenaga sendiri atas dasar kemanusiaan. Mereka menggunakan laman sosial seperti facebook untuk menyeru dan mengumpulkan individu lain yang prihatin membantu mangsa tanpa sebarang ganjaran.

Mengambil kisah Raja Shamri, seorang pakar motivasi dan perunding pendidikan kelahiran Pasir Puteh, Kelantan yang menetap di Pahang. Beliau berasa terpanggil untuk membantu mangsa banjir yang merayu bantuan darinya melalui laman facebook kerana bantuan daripada badan kerajaan tidak dapat sampai ke tempat mereka terperangkap. Bermula dengan seruan ringkas menyeru pengguna laman facebook untuk mengumpulkan bantuan mangsa banjir ke rumahnya hinggalah pembentukan pasukan sukarelawan warga yang terdiri daripada individu berlainan latar belakang yang mempunyai tujuan yang sama,untuk membantu meringankan beban mangsa.

Usaha beliau membuatkan dirinya dikenali rakyat Malaysia sebagai seorang lelaki berkaki palsu dan berhati mulia. Kisah seperti ini menyedarkan kita bahawa kaya atau miskin, cacat atau normal, berpengaruh atau tidak, kita boleh membantu mengurangkan beban jika kita punya rasa tanggungjawab untuk bersama-sama memulihkan semula kehidupan mangsa yang hampir musnah.

Bencana banjir pada penutup tirai tahun 2014 ini menyedarkan Malaysia dari tidur yang lena dan bertindak untuk membantu golongan memerlukan atas dasar kemanusiaan. Hakikatnya, bencana ini menjadi titik penyatuan rakyat dan membuktikan sifat belas kasihan masih wujud dalam dunia serba materialistik ini.

Tren terkini: Media sosial atau interaksi bersemuka?

Dalam zaman yang mengagung-agungkan teknologi ini, bukanlah perkara yang luar biasa apabila media sosial sering dijadikan sebagai pengganti untuk membina dan mewujudkan hubungan dalam dunia sebenar. Kajian yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Pew di Amerika membuktikan bahawa 54% daripada responden yang ditinjau menghantar teks mesej kepada rakan-rakan sekurang-kurangnya sekali sehari, manakala hanya 33% daripada mereka yang bercakap secara bersemuka dengan rakan-rakan secara konsisten.

Mengapakah fenomena ini berlaku? Adakah interaksi bersemuka dianggap tidak penting lagi sejak wujudnya sosial media? Adakah kita sanggup mengorbankan pengalaman dunia sebenar untuk "menjalankan hubungan" dengan individu lain dalam dunia sosial media secara maya?

Pemikiran yang menganggap bahawa perbualan melalui sosial media adalah lebih penting atau berkesan dari interaksi bersemuka amatlah tidak sihat. Pada hakikatnya, antara senyuman yang ikhlas secara bersemuka dengan pemaparan emotikon atas talian secara maya, kita tentulah tersentuh dengan senyuman yang ikhlas dan benar. Hal ini kerana elemen-elemen seperti ekspresi muka, interaksi mata, dan intonasi suara tidak wujud melalui emotikan atas talian. Mungkin kecanggihan teknologi seperti panggilan video atau aplikasi *Skype* mampu mengatasi masalah ini, tetapi ketelitian ekspresi muka tidak dapat dirasai sepenuhnya.

Penerimaan kad e-mel juga tidak setanding penerimaan surat tulisan tangan. Walaupun kad e-mel mungkin lebih cantik, berwarna-warni dan menarik, keikhlasan surat tulisan tangan terserlah apabila penulis surat memilih jenis dan warna sampul surat serta kertas yang digunakan, dan menulis surat dengan tulisan sendiri. Mungkin warna surat yang dipilih atau tulisan tangan tidak semenarik kad e-mel janaan komputer, akan tetapi kita akan lebih menghargai dan merasai keikhlasan penulis surat. Hal ini tidak bermakna pengirim kad e-mel tidak ikhlas, tetapi taipan perkataan pada komputer sememangnya tidak setanding dengan surat tulisan tangan. Salam yang ingin kita hantar juga tidak mampu memberitahu betapa gembira kita untuk menghantar salam kepada orang yang kita sayangi.

Kita mungkin pernah melihat seseorang yang kelihatan riang dan ceria semasa berdepan dengan kita, tetapi perasaan atau perkataan-perkataan yang diluahkan oleh orang yang sama melalui media sosial adalah bersifat negatif. Hal sebegini kemungkinan besar berlaku disebabkan media sosial berpotensi untuk mengubah watak sosial kita. Individu cenderung untuk mempunyai watak sosial yang berlainan semasa berdepan dengan orang dan atas talian. Sekiranya fenomena ini tertanam pada generasi kita sendiri, tentulah fenomena yang lebih serius wujud dalam generasi akan datang.

Sebagai siswa-siswi, juga bukanlah perkara yang luar biasa untuk kita mengadakan perjumpaan kumpulan atas talian semasa membuat tugasan. Masalahnya adalah tidak semestinya setiap ahli yang berada atas talian akan memberikan perhatian sepenuhnya. Mereka mungkin berada atas talian, tetapi pada masa yang sama mereka sedang menonton drama pada laman web yang lain. Hal ini boleh mengurangkan keberkesanan perjumpaan tersebut. Oleh itu, untuk mengadakan perjumpaan secara berkesan dan mengeratkan hubungan antara ahli kumpulan, perjumpaan bersemuka adalah paling baik.

Akhir kata, apa yang ingin disarankan adalah cubalah mengenepikan alat-alat teknologi seperti telefon pintar sebentar, dan meluangkan masa untuk berinteraksi dengan orang lain secara bersemuka. Perbuatan yang kecil seperti mengenepikan telefon bimbit semasa makan dengan rakan-rakan sebenarnya menunjukkan bahawa kita menghormati dan menghargai masa kita bersama mereka. Ingatlah bahawa jarak yang jauh antara manusia adalah menggunakan alat-alat teknologi untuk mengakses kepada sosial media apabila kita berpeluang untuk berbual-bual antara satu sama lain secara bersemuka.

LEMBAGA PENASIHAT BERITA KAMPUS

PENGERUSI
Prof Madya Dr Jamilah Haji Ahmad
PENGERUSI RANCANGAN PRASISWAZAH
Dr Nik Norma Nik Hasan
PENASIHAT/PENSYARAH
Dr Nik Norma Nik Hasan
Dr Chai Ming Hock
PEMBANTU KHAS
En Abdul Rahman Khalid
En Abdul Razak Ismail
En Mohd Azmi Ahmad Rahim

SIDANG EDITORIAL

KETUA PENGARANG
Aishah Hanis Azmi
TIMBALAN KETUA PENGARANG I
Nurul Khairiah Mohamed Yusof
TIMBALAN KETUA PENGARANG II
Au Tse En Nicole
KETUA PENYUNTING
Norsyafiqah Zamal Ishak
KETUA ATUR LETAK
Asmah Ali
PENGURUS EDARAN
Nur Farzana Jasmi
WARTAWAN
Ng Xiang Yi
Michele Ng Heng Kim
Nabilah Mad Zom
Aliana Hamimi Amran
Nur Habibah Nordin
Nur Syahidah Abu Bakri
Rosamira Ahmad Razali
Shangitha Sadayan
Sharmila Premal
Victoria Sofia Francis Victor
Mohamad Hafiz Adisman
Nur Emira Saizali
Debra Wong Ser Lin
Hemawati Somasundharam
Siti Fasriana Shaari
Siti Nazifah Tajudin
Ian Leondy
Lee Kam Fei
Mohamad Afiq Amani Mohamed Nahdirsha
Muhamad Ridzwan Md Ali
Muhamad Fauzi Samsudin
Muhammad Suhaib Mohd Shapie
Nabilahaisah Tawang
Nor Khamisah Saidin
Nur Izzah Athira Muhamad Nazmi
Nur Khalidah Abdul Halim

ALAMAT Bilik Berita, Balai Media, Pusat Pengajian Komunikasi | **TELEFON** 04-653 5071 | **E-MEL** bkusm11@yahoo.com
Berita Kampus ialah akhbar makmal siswa-siswi tahun akhir pengkhususan kewartawanan, Pusat Pengajian Komunikasi, USM dan bukan pendirian dan pandangan rasmi Universiti Sains Malaysia.

Sejak 1971. Suara Dari Menara Ilmu.




SESAK... siswa-siswi kelas Psikologi Perkembangan berpusu-pusu untuk mendaftar nama mereka bagi sesi kelas tutorial di Universiti Sains Malaysia (USM).



TARIAN SINGA adalah salah satu persembahan yang selalu dilakukan semasa menyambut Tahun Baru Cina dan ianya berbeza dengan tarian naga. Tarian singa hanya memerlukan dua orang sahaja manakala tarian naga memerlukan ramai orang untuk mengendalikan persembahan.



VERSATIL... pelajar Rohingya dari Sekolah Damai Minden mempersembahkan tarian Wau Bulan dari Kelantan.



TERIK... Siswa-siswi terpaksa menghadapi cuaca panas dan kering yang masih melanda negara terutama di kawasan utara dan selatan semenanjung. Cuaca panas ini dijangka berakhir Mac manakala seluruh negara dijangka kembali menerima taburan hujan yang normal pada bulan April nanti.



CHAP GOH MEI, malam ke-15 dalam loghat Hokkien melambangkan hari terakhir sambutan Tahun Baru Cina. Acara teka-teki tanglung akan disediakan dalam majlis perayaan Chap Goh Meh untuk menghiburkan hadirin. Soalan teka-teki banyak menguji tahap pengetahuan mengenai bahasa Cina dan kecerdasan minda seseorang. Hadiah akan disediakan kepada pemain yang berjaya menjawab soalan.

Parkir baru dijangka siap sepenuhnya Mac 2015



Kerja-kerja pembinaan parkir fasa kedua sedang giat dijalankan di Tapak Konvokesyen USM.

Oleh **ASMAH ALI**

Projek pembinaan parkir baru yang dijangka siap sepenuhnya menjelang minggu kedua Mac 2015.

Projek ini terbahagi kepada dua lokasi utama iaitu fasa pertama dan kedua. Fasa pertama sebanyak 39 parkir di belakang Bangunan G23 iaitu bersebelahan parkir sedia ada di Pusat Pengajian Sains Komputer dan Pusat Pengajian Sains Matematik. Fasa kedua pula memuatkan 61 parkir di kawasan Tapak Konvokesyen Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut Timbalan Pengarah II Jabatan Pembangunan, Ir. Haji. Mohd Nizam Mohd Razak parkir baru ini menggunakan konsep reka bentuk kemasan *interlocking paver* dan bukannya menggunakan jalan berturap.

"Terdapat beberapa kelebihan reka bentuk tersebut seperti memudahkan proses penyenggaraan, pembaikan, menjimatkan kos, ketahanan terhadap cuaca, tahan lasak dan selamat untuk pejalan kaki dari segi permukaan yang kasar semasa basah atau hujan", jelasnya kepada Berita Kampus.

Suprina Atmi Tahir, Sains Kemasyarakatan 3, berkata usaha menambah parkir adalah langkah yang bijak. Kemungkinan pertambahan bilangan siswa-siswi dan staf USM yang membawa kenderaan sendiri adalah tinggi.

"Ini bermaksud bilangan kenderaan dalam kampus turut bertambah. Usaha ini secara tidak langsung mengurangkan kegusaran warga kampus mengenai ketiadaan parkir apabila tiba waktu kemuncak", tambahnya.

Sekali lagi cabar pentadbiran desasiswa



DEGIL...segelintir siswa-siswi memarkir motosikal di kawasan Dataran Usahawan.

Kekurangan tempat meletak kereta bagi siswa-siswi terutama di sekitar desasiswa menyebabkan langkah-langkah keselamatan terpaksa diambil oleh pentadbiran dan pengurusan desa bagi menangani masalah ini.

Perkara ini dimaklumkan oleh Penggawa Desasiswa Cahaya Gemilang, Encik Mohamad Shafie Ariffin yang menyatakan tindakan mereka meletakkan pasu bunga di sekitar kawasan tertentu adalah sebagai langkah keselamatan.

"Tidak terdapat kawasan lapang sekitar Desasiswa Cahaya Gemilang. Jalan Gemilang di hadapan Cahaya Gemilang adalah jalan dua hala yang menjadi laluan utama siswa-siswi. Terdapat segelintir mereka yang telah meletak kenderaan di kedua-dua tepi jalan tersebut menyebabkan kesukaran laluan untuk semua pengguna jalan termasuk lori yang mengangkut sampah dan bas. Perkhidmatan bas komuter USM juga tidak dapat disediakan kerana terdapat kenderaan siswa-siswi yang diletak sesuka hati di tepi kedua-dua Jalan Gemilang", jelas beliau lagi.

Beliau juga menyatakan bahawa USM juga tidak menggalakkan siswa-siswi membawa kenderaan persendirian ke dalam kawasan kampus kerana hal itu akan menyebabkan kesesakan lalu lintas dan pencemaran udara berlaku.

Normah Saidin, Ilmu Pendidikan 1, berkata suasana di sekitar kampus menjadi sangat padat dan sesak dengan kenderaan, motor, dan juga bas terutama pada waktu pagi dan tengah hari. Hal ini menyebabkan siswa-siswi dan juga kebanyakan pejalan kaki di sekitar kampus merasa tidak selesa selain terpaksa menghidu asap tebal dari kenderaan.

" Siswa-siswi seharusnya peka untuk melihat hal ini sebagai masalah kerana kebanyakan mereka membawa kenderaan sendiri untuk kesenangan sendiri dan tidak memikirkan keselamatan kami yang lain sebagai pejalan kaki yang mungkin membahayakan keselamatan kami apabila terlalu banyak kenderaan dalam kawasan kampus yang kecil ini", tegasnya lagi.

Sekatan sebagai keselamatan

Tindakan siswa-siswi memarkir motosikal di Dataran Usahawan, berhampiran blok MO6 Desasiswa Tekun, Universiti Sains Malaysia (USM) mencabar pentadbiran desasiswa kerana tidak meletakkannya di tempat yang telah disediakan.

Penggawa Desasiswa Tekun, Dr Nazaruddin Zainun berkata isu motosikal ini bukan suatu isu yang baru dan ia berpunca daripada sikap siswa-siswi itu sendiri.

"Mereka hanya memikirkan tentang kepentingan peribadi dengan memarkir motosikal berhampiran dengan bilik. Namun, mereka tidak sedar bahawa tindakan tersebut boleh mengundang masalah kepada orang lain seperti menyukarkan laluan bas yang ada", jelasnya kepada Berita Kampus.

"Penguatkuasaan undang-undang itu sangat penting. Oleh itu, saya bersetuju dan menyokong dengan tindakan Jabatan Keselamatan yang mengenakan kunci roda terhadap motosikal yang diparkir di tempat yang tidak sepatutnya", tambahnya.

Menurut siswi N (bukan nama sebenar), salah satu sebab mereka gemar parkir motosikal di kawasan berkenaan disebabkan berdekatan dengan bilik mereka dan tidak perlu berebut dengan orang lain sekiranya parkir motosikal penuh.

Bumbung baru untuk pelajar PKU



Bumbung laluan Pelajar Kelainan Upaya (PKU) Desasiswa Aman Damai yang siap dibina dan mempunyai lampu jalan untuk keselasaan penghuni PKU USM.

Pelajar Kurang Upaya (PKU) telah diberi fasiliti yang baru iaitu bumbung laluan PKU Bumbung laluan baru yang siap dibina berdekatan dengan Desa yang baru siap pada awal bulan Februari lepas telah memberi impak yang sangat baik kepada siswa PKU Universiti Sains Malaysia (USM) terutamanya pada waktu hujan dan panas.

Menurut seorang pelajar PKU USM, Noor Ilham Ismail, Ilmu Kemanusiaan 2, beliau berpuas hati dan berterima kasih kepada pengurusan Desasiswa Aman Damai dan pihak-pihak yang terlibat kerana telah memberi satu lagi fasiliti kepada siswa PKU USM.

"Bumbung baru yang dibina memberi banyak kelebihan pada kami, selain bentuk lanskap bumbung yang amat baik. Juga kelebihan bagi kami ketika menunggu bas dan menunggu rakan-rakan atau berteduh", kata Ilham.

Menurut Yang DiPertua Aman Damai, Engku Muhammad Shahrulaiza, berkata bumbung yang dibina adalah memberi keselesaan kepada PKU USM terutamanya kepada siswa PKU berkerusi roda, ini kerana siswa PKU USM tidak diabaikan sama juga seperti siswa-siswi USM lain.

"Mereka juga banyak membantu dari pelbagai aspek seperti program-program yang dianjurkan Desasiswa Aman Damai, seperti program yang terbaru iaitu ADTrans yang membawa nama PKU USM dan tidak salah jika siswa-siswi PKU USM juga turut menerima fasiliti yang baru", kata Engku.

self.usm.my mudahkan penetapan kata laluan

Oleh **SHANGITHA SADAYAN**

Laman sesawang Self.usm.my yang mula beroperasi pada 4 April 2014 memberi manfaat kepada warga Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut Pegawai Teknologi Maklumat Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi (PPKT) USM, Khairil Anwar, laman sesawang ini memudahkan urusan warga kampus untuk menetapkan kata laluan secara lebih sistematik

"Kata laluan yang ditetapkan telah diselaraskan untuk mendaftar masuk ke portal Campus Online, E-learn serta e-mel rasmi USM yang juga dikenali sebagai Identity Single Sign-On. Warga kampus tidak akan mengalami kesukaran untuk mengingat kata laluan yang berbeza semasa mendaftar masuk ke portal yang berlainan", tambah Khairil.

"Namun sesetengah siswa-siswi tidak menukar kata laluan sebaliknya masih menggunakan nombor kad pengenalan sebagai kata laluan untuk portal-portal tersebut. Mereka haruslah melawat laman sesawang ini kerana terdapat beberapa kriteria khusus untuk menetapkan kata laluan yang lebih selamat dan bersifat privasi", katanya lagi.

Menurut Nur Fatihah Abdul Rahim, Sains Kemasyarakatan 3, laman sesawang ini sememangnya berkesan kerana memudahkan urusan warga kampus untuk menetapkan kata laluan yang lebih selamat digunakan pada sepanjang masa.

"Namun, terdapat siswa-siswi yang tidak mempunyai pendedahan terhadap kewujudan laman sesawang ini. Mereka tidak tahu saluran yang betul untuk menetapkan kata laluan seterusnya menggunakan nombor kad pengenalan untuk mendaftar masuk kepada semua portal rasmi USM yang sememangnya bersifat tidak selamat", kata Fatihah

"Pengurusan PPKT USM dan siswa-siswi haruslah berganding bahu untuk menguar-uarkan mengenai kewujudan laman sesawang ini kepada warga kampus yang lain untuk kepentingan bersama", tambahnya lagi.

> "Pengurusan PPKT USM dan siswa-siswi haruslah berganding bahu untuk menguar-uarkan mengenai kewujudan laman sesawang ini kepada warga kampus yang lain untuk kepentingan bersama."

Siswa-siswi kurang peka hebahan PPKT

Kesukaran capaian servis e-mel pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) antara aduan yang diketengahkan oleh siswa-siswi dalam laman Facebook USM Info Sharing. Gangguan dalam mengakses e-mel USM telah menyebabkan siswa-siswi menghadapi masalah dalam menerima hebahan daripada tenaga pengajar mahupun Pusat Pengetahuan Komunikasi & Teknologi (PPKT).

Menurut Darshan Babu, Sains Komputer 1, gangguan dalam capaian servis e-mel pelajar USM telah menyebabkan beliau mengalami kesukaran dalam mengakses maklumat yang disalurkan oleh tenaga pengajar dan juga PPKT.

Siswa-siswa diberikan e-mel pelajar oleh PPKT bagi memudahkan siswa-siswi mengakses hebahan informasi dari semasa ke semasa dan daftar masuk kesemua portal rasmi USM dengan menggunakan Identity Single Sign-On. Namun, penggunaan e-mel pelajar USM kurang memuaskan dalam kalangan siswa-siswi. Lebih menghairankan, masih terdapat siswa-siswi yang tidak mengetahui kewujudan e-mel USM, kata Pegawai Teknologi Maklumat, Khairil Anwar.

Menurut Khairil Anwar, berkenaan isu sebilangan siswa-siswi yang menghadapi masalah capaian e-mel kerana gagal mendaftar masuk berpunca daripada penggunaan akaun berganda. Perkara ini juga berlaku jikalau ada perubahan waktu dalam komputer riba, penggunaan browser dan masalah cached yang menyukarkan proses daftar masuk e-mel.

Beliau berkata gangguan ini tidak berlaku akibat masalah teknikal lagipun PPKT telah mengambil tindakan awal dengan memaparkan browser dan cara yang sesuai digunakan bagi mengelakkan berlakunya gangguan sebegini.

"Saya rasa hebahan PPKT tidak sampai kepada siswa-siswi. Selain itu, siswa-siswi juga kurang peka tentang pemberitahuan, pengumuman yang seumpamanya yang disampaikan oleh PPKT", katanya.

Beliau turut meminta siswa-siswi agar memanfaatkan e-mel USM dan menggalakkan untuk membuat aduan sekiranya menghadapi sebarang masalah kepada ServisDesk@PPKT, supaya PPKT dapat mengenalpasti punca masalah dan mengambil tindakan yang efektif.

Kebebasan lelaki masuk blok siswi Cahaya Gemilang bukan perkara remeh



NOTIS pemberitahuan terpampang jelas namun masih tidak diendahkan oleh pihak tertentu termasuk waris lelaki penghuni sendiri.

Oleh **NUR 'IZZAH' ATIRA MUHAMAD NAZMI**

Isu kebebasan pekerja lelaki masuk ke dalam blok siswi di Desasiswa Cahaya Gemilang kini mendapat penjelasan daripada Penggawa Cahaya Gemilang, Encik Mohd Shafiee Ariffin. Aduan secara tidak formal didapati apabila terdapat pekerja lelaki desasiswa tersebut memasuki blok kediaman siswi dan menimbulkan rasa tidak selesa dalam kalangan penghuninya. Nadiah Musran, Pengurusan 3, berkata mereka biasa memasuki blok siswi pada tengah hari dan waktu ketika mereka pulang dari kelas.

"Perkara sebegini tidak sepatutnya berlaku kerana H34 ialah blok siswi dan perkara ini mengganggu aktiviti harian penghuni terutama bagi wanita muslim kerana pekerja lelaki masuk tanpa memberitahu kehadiran mereka melalui papan tanda atau bunyi siren. Hal ini mungkin berlarutan dan mengakibatkan kesan buruk pada masa akan datang", jelasnya lagi.

Encik Mohd Shafie menegaskan bahawa setiap aktiviti keluar masuk pekerja lelaki di desasiswa siswi terutamanya menggunakan pas kebenaran. Selain itu, mereka juga hanya masuk apabila ada urusan yang melibatkan kerja pembaikan di blok berkenaan. Mereka juga seharusnya ditemani oleh penggawa atau penolong penggawa.

"Mereka boleh membuat aduan secara terus jika ternampak individu selain daripada pekerja desasiswa yang memasuki blok siswi. Kami akan datang dan memastikan hal ini dapat diselesaikan dengan syarat terdapat aduan semasa kejadian sebagai bukti kukuh. Kebiasaannya pekerja lelaki kami profesional dan mereka hanya melakukan tugasan yang wajib sahaja", katanya.

Beliau juga berkata terdapat juga waris lelaki penghuni sendiri yang dianggap menceroboh masuk ke dalam blok kediaman bagi membantu anak-anak mereka mengangkat barangan. Hal ini tetap berlaku walaupun notis pemberitahuan mengenai had lelaki jelas terpampang.

Beliau menjelaskan bahawa arahan dan notis akan cuba dikuatkuasakan dengan menggunakan pas kemasukan pekerja, notis pemberitahuan dan juga diiringi oleh wakil pengurusan desa. Beliau juga menasihatkan agar siswi menjaga etika berpakaian ketika berada di dalam blok kediaman agar terhindar dari sebarang perkara yang tidak diingini.

Siswa dirakam ketika mandi

Seorang siswa dirakam ketika mandi di aras 6 blok M05 Desasiswa Tekun pada 24 dan 25 Februari yang lepas oleh siswa yang juga penghuni blok desasiswa tersebut.

Menurut Mohd Ednizam Fuarddy, Seni 4, beliau diintai pada 24 dan 25 Februari kira-kira 1.30 petang. Beliau membuat laporan kepada Jabatan Keselamatan selepas menangkap pelaku sejurus kejadian kedua berlaku.

"Pada kali kedua kejadian saya tidak panik, perlahan-lahan membuka pintu bilik mandi dan berjaya menangkap pelaku tersebut namun saya tidak mengenalinya serta tidak pasti mengenai motif perlakuan itu", katanya.

Penggawa Desasiswa Tekun, Dr Nazarudin Zainun berkata pihaknya tidak mahu mengambil sebarang tindakan secara terburu-buru terhadap pelaku disebabkan kejadian tersebut masih dalam siasatan serta ingin mengelakkan situasi menjadi lebih buruk.

"Walau bagaimanapun, kami akan meneliti latar belakang pelaku serta keluarganya, dan bakal dirujuk kepada kaunselor sebelum membuat sebarang keputusan. Setakat ini amaran telah diberikan agar kejadian ini tidak berulang", jelasnya.

"Kebajikan pelaku juga adalah tanggungjawab pengurusan desasiswa, meskipun beliau bersalah tetapi jangan mengambil tindakan terburu-buru dengan menghakimi beliau secara tidak adil", tegasnya.

Nazarudin turut menyarankan siswa-siswi yang mempunyai masalah segera mendapatkan khidmat nasihat daripada kaunselor. Pengarah Jabatan Keselamatan, Professor Madya Dr P. Sundramoorthy tidak mengulas lanjut isu ini ekoran siasatan masih dijalankan.

Penggunaan stor RST dikenakan caj

Pengurusan stor bagi cuti semester lepas di Desasiswa Restu, Saujana dan Tekun (RST) dijalankan amat rapi dan dikawal selia dengan ketat. Jumlah penghuni Desasiswa RST yang ramai menyebabkan Majlis Penghuni Desasiswa (MPD) mengenakan caj tertentu dikenakan terhadap penghuni RST.

Yang DiPertua Majlis Penghuni Desasiswa Saujana (MPDS), Nur Farah Athirah Azizan berkata bahawa Desasiswa Saujana mempunyai penghuni seramai 1,818 orang.

"Bayaran tertentu dikenakan ke atas penghuni bagi menampung jumlah penghuni yang terlalu ramai. Usaha sebegini dilakukan bagi mengurangkan kesesakan dan kerosakan barang berlaku di dalam stor", ujarnya lagi.

Exco Keusahawanan MPDS, Nur Shahidatul Shazwani Sharifunizam menjelaskan bahawa Dstore menjadi satu projek yang diusahakan di bawah MPD yang mana terdiri daripada 30 orang ahli. Dstore ini wujud bagi menjalankan kerja-kerja membantu dan memantau penyimpanan barang di stor.

Yang DiPertua Majlis Penghuni Tekun, Muhammad Imran Shah Yacob berkata, Desasiswa Tekun juga dikenakan caj seperti RM1 bagi setiap kotak dan RM0.50 bagi setiap baldi yang disimpan. Hasil caj digunakan bagi membeli alat tulis, proses pembaikan dan kerosakan stor serta kos penyeliaan stor dari semasa ke semasa.

Yang DiPertua Majlis Penghuni Indah Kembara, Khairunnisa Sulaiman Nasution berpendapat bahawa stor yang dikenakan bayaran seperti Desasiswa RST adalah bersesuaian dengan penjagaan dan pengawasan yang lebih selamat dan terjaga.

Norfahanim Abdul Aziz, Teknologi Industri 3 berpandangan bahawa tindakan MPD melakukan tindakan tersebut amat wajar. Malah, penghuni Desasiswa RST tidak perlu rasa khuatir dengan kerosakan barang.

> Bayaran tertentu dikenakan ke atas penghuni bagi menampung jumlah penghuni yang terlalu ramai.

Penghuni desasiswa ingkar arahan

Pengurusan Desasiswa Jaya Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM), memandang serius kesalahan penghuni yang menyimpan barangan di dalam bilik ketika cuti semester lepas.

Perkara demikian dilihat sebagai suatu pengingkaran oleh penghuninya berikutan prosedur yang dikeluarkan supaya penghuni meninggalkan bilik dalam keadaan kemas dan tidak meninggalkan barangan di dalam bilik.

Masalah ini dilihat serius apabila ramai penghuni yang melakukan perbuatan yang sama, malah ada antaranya yang menyimpan barangan di dalam almari serta menguncinya.

Penggawa Desasiswa Jaya, Dr. Mohamad Hekarl Uzir berkata, perkara itu menjejaskan pengurusan desasiswa untuk mengambil sewaan luar semasa cuti semester.

"Pengurusan desasiswa memandang serius masalah ini dan akan mengambil tindakan terhadap penghuni yang melanggar peraturan desasiswa, yang menjadikan bilik tersebut sebagai bilik peribadi.

"Denda akan dikenakan mengikut Tatatertib Desasiswa Bahagian A 7(b), tidak mengosongkan bilik apabila tamat tempoh penginapan, denda yang dikenakan adalah bayaran tiga kali sewaan harian sepanjang tempoh kesalahan," katanya.

Tambahnya, pemeriksaan telah dilakukan dari bilik ke bilik semasa cuti semester bagi memastikan bilik dikosongkan sepenuhnya untuk disewakan kepada pihak luar.

Dalam pada itu, Penggawa Desasiswa Indah Kembara, Tuan Haji Mohd Zain Dollah juga menghadapi masalah yang sama, akan mengambil tindakan tegas terhadap penghuni di Desasiswa Indah Kembara yang tidak mengosongkan bilik ketika cuti semester lepas malah meninggalkan bilik dalam keadaan kotor dan tidak terurus.

Dilema kewangan tidak jejas keyakinan industri media

Oleh **NG XIANG YI**

Industri media di Malaysia kini kelihatan terperangkap dalam masalah kewangan. Pada awal bulan Disember 2014 Bernama TV (BTV) telah berhutang gaji dan diikuti dengan kes Astro memberhentikan 52 pekerja dalam masa sehari pada awal bulan Februari 2015.

Adakah krisis ini akan menjejaskan peluang pekerjaan siswa-siswi komunikasi USM yang bakal masuk ke alam industri?

Pengerusi Rancangan Prasiswazah Pusat Pengajian Komunikasi USM, Dr. Nik Norma Nik Hassan berpendapat bagi bidang media dari segi konteks pasaran masih ada, perkara sebegini berlaku sebenarnya bukan disebabkan pasaran yang mengecil tetapi melibatkan cara pengurusan organisasi tersebut.

"Sebenarnya masalah ini berlaku di mana-mana, bukan hanya organisasi media yang berlaku perkara sebegini. Kemungkinan besar disebabkan masalah inflasi, organisasi terpaksa perlu bergerak dalam konteks ekonomi dan membuat perancangan semula untuk persediaan masa hadapan," katanya.

Dr Nik Norma juga menjelaskan bahawa kandungan kursus Pusat Pengajian Komunikasi bukan tertumpu kepada produksi media sahaja tetapi ia lebih meluas seperti menjadi pembantu ahli politik atau tenaga pengajar bidang komunikasi.

Beliau turut mencadangkan bahawa pengambilan kursus minor turut merupakan satu haluan untuk memperkembangkan arah tuju kerjaya sendiri. Maka, tidak perlu terlalu risau dengan kesusahan untuk mendapatkan peluang bekerja.

Bagi Fatin Afifah Anuar, Komunikasi3 tidak risau dengan keadaan industri media ini kerana Pusat Pengajian Komunikasi menyediakan struktur pembelajaran yang berbeza, di mana pelajar komunikasi bukan saja boleh bekerja dalam bidang praktikal, malahan berpeluang pergi ke bidang akademik yang lagi mendalam seperti sambung peringkat siswazah dan menjadi pensyarah..

"Sebagai siswa komunikasi USM, kami diajar untuk jadi kental dan asakan oleh kehendak pensyarah dan tugasan yang hanya mahukan yang terbaik. Oleh itu kami dah biasa dengan cabaran," katanya.

Teh Ie Vonn, Komunikasi 3 pula berasa bahawa tentu akan risau serba sedikit kerana industri media di Malaysia lebih kecil dan terhad dengan peluang pekerjaan. Namun beliau masih melihat keadaan ini secara positif sebagai satu peluang untuk mengeksplorasi industri di negara lain seperti di China dan Taiwan.

Menurut laporan Malaysiakini 'Bernama akui tak mampu bayar gaji', pengurusan BTV mengakui bahawa mereka gagal membayar gaji pekerjanya disebabkan masalah kewangan yang dihadapi oleh syarikat. Gaji terakhir yang dibayar oleh BTV adalah pada 20 Oktober 2014.

Manakala bagi kes pemberhentian pekerja Astro, 52 pekerja yang dipecat hanya diberi notis 24 jam dengan tiga bulan gaji sebagai pampasan.

Menurut laporan Malaysiakini 'APSB: Pemberhentian pekerja Astro perlu'', alasan daripada Astro bagi tindakan ini adalah untuk memastikan struktur optimum bagi daya maju perkhidmatan produksi.

Biomass assure a sustainable future

Fossil fuel such as oil, petroleum and natural gas products has been depleting over the years. The concern for this depletion has motivated the search for alternative fuel sources that may be sustainable for future generations.

According to the project leader for the biomass energy and energy efficient system research, Professor Dr Zainal Alimuddin Zainal Alauddin, the continuous utilisation of fossil fuel has led to threats of global warming and climate change.

"This extreme heat, draught and wet climate leads to catastrophic disaster like the recent flood", he added.

These are the factors that drive Professor Dr Zainal who has 23 years of experience in biomass energy system to conduct this research since 1992.

There are abundant source of biomass waste from the agricultural and domestic industries, and the municipality. This research utilises these biomass materials via the gasification technology.

"The gasification technology is used to convert solid biomass into gaseous fuel that may be used in engines, gas turbines and boilers for heat and power generation", Professor Dr Zainal explained.

The research on biomass energy will never end as there are still many aspects not explored.

"It is always on going because there are still a lot of things that I don't know. However, I have developed various products. Amongst them are the biomass power plant (10-200kW), biomass stove, kitchen carboniser, waste to oil converter and torrefaction machine", he told *Berita Kampus*.

In the beginning, this research was solely conducted by Professor Zainal with the assistance of postgraduate students. However, the members of the research now include Dr Mohd Yusof Idroas, Dr Chan Keng Wai and Muhamad Azman Miskam.

The research is funded by the government grants; eScience, Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), Exploratory Research Grant Scheme (ERGS), Long-Term Research Grant Scheme (LRGS) and Knowledge Transfer Programme (KTP) Grant and international AUN/Seed-Net Grant. It also received grants from Universiti Sains Malaysia (USM); USM Short Term Grant, Research University Grant (RUI), Innovation Fund and the Division of Industry and Community Network (BJIM).

Professor Zainal hopes to see a biomass power plant developed and utilised in Malaysia especially in the rural areas that are not connected to the electrical grid.

"The agricultural and municipal wastes are plentiful. These could be converted to generate power so that Malaysia can include as much as 10% of her energy mix from renewable energy systems," he explained.

> "This extreme heat, draught and wet climate leads to catastrophic disaster like the recent flood."

BJIM terap konsep libat sama dalam projek komuniti

Oleh **NUR EMIRA SAIZALI**

Universiti Sains Malaysia (USM) mewujudkan Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM) untuk menjadikan USM relevan kepada masyarakat luar. Hal ini sebagai penghubung USM dengan masyarakat dan komuniti luar.

BJIM ialah penghubung warga universiti dengan masyarakat luar yang meliputi penduduk sekitar USM, masyarakat setempat dan juga secara global. Ia juga bukan sahaja melibatkan siswa-siswi USM tetapi penglibatan daripada staf USM.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat) USM, Profesor Dato' Dr See Ching Mey, ramai pihak yang keliru dengan skop tugas BJIM dengan bahagian lain terutama Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP).

"Untuk menerangkan secara jelas siapa BJIM, kami sering menekankan penggunaan frasa libat sama dan ia akan jelas menunjukkan perbezaan bahagian ini di USM", katanya.

Libat sama adalah satu konsep yang digunakan dalam program anjuran BJIM yang mengaplikasikan kepakaran yang dimiliki USM bagi membantu pelbagai kumpulan sasaran iaitu masyarakat dan komuniti.

Beliau memberi contoh salah satu projek yang dilakukannya iaitu projek libat sama dengan sebuah rumah anak yatim. Apabila menyentuh tentang anak yatim, sudah pasti objektif utama untuk membuat mereka gembira dengan menyumbang makanan dan pakaian.

"Tetapi berlainan pula dengan konsep libat sama komuniti oleh BJIM, iaitu proses yang kami jalankan membina hubungan yang berterusan. Kami tidak membuat kerja separuh jalan seperti hanya laksanakan projek kemudian lepas tangan. Setiap projek perlulah membentuk hubungan yang berkekalan", ujarnya.

Prof Susie turut menambah hubungan yang berkekalan adalah sejajar dengn konsep USM iaitu pengekalan atau sustainability. Visi utama perlulah memberi manfaat kepada USM dan komuniti yang terlibat dalam setiap projek.

Manfaat tersebut bukan sahaja seperti menderma baju kepada anak yatim, tetapi dengan mengajar sesuatu kemahiran seperti menjahit manik. Justeru, mereka akan mendapat satu input dan mempelajari kemahiran yang boleh digunakan pada masa hadapan.

"Jadi sekiranya mereka membesar dan tidak dapat melanjutkan pelajaran, mereka boleh menggunakan kemahiran tersebut bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi ia akan dapat membantu mereka menjana pendapatan dan seterusnya meningatkan taraf hidup mereka. Ini adalah win-win situation dan kita bukan hanya menyuap sahaja tetapi mengajar", tambahnya lagi.

"Konsep ini hampir sama seperti peribahasa daripada hanya memberi ikan kepada seseorang, ajarlah dia cara untuk menangkap ikan", tambah Prof Susie lagi.

Prof Susie berkata bahawa setiap projek libat sama yang dijalankan memberi manfaat kepada semua pihak. Siswa-siswi boleh mempelajari cara untuk mengendalikan projek komuniti. Manakala komuniti dan masyarakat luar yang terlibat akan mula mengingati jasa baik USM dan mungkin mula menanam cita-cita untuk menjadi salah seorang warga USM.

"Setiap projek yang hendak dijalankan perlu melalui proses mengenalpasti isu yang perlu diselesaikan sebelum mencari penyelesaian. Kita perlu tahu keinginan dan keperluan yang mereka mahukan, kemudian barulah kita menggunakan setiap sumber di USM dan beri kepada mereka", katanya lagi.

Idea keseluruhan yang sedang dilakukan ialah dengan mengguna kekuatan USM, iaitu bukan wang ringgit tetapi pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang dimiliki.

Menurut Prof Susie lagi, BJIM bukan sahaja melakukan aktiviti mengutip wang dan menderma, tetapi yang lebih penting lagi, setiap yang terlibat perlu bersama-sama turun padang dalam setiap projek yang dijalankan.

"Untuk menjadi warga yang prihatin, warga yang penyayang iaitu sayang negara, sayang USM dan sayang masyarakat, kita perlu turun padang seiring dengan visi dan misi BJIM iaitu menerajui kelestarian sosio-ekonomi, budaya, pendidikan, kesihatan dan alam sekitar ke arah pembangunan dan transformasi negara serta untuk libat sama dengan industri dan masyarakat di kawasan yang berbeza untuk mencapai wawasan universiti", akhirnya.

Antara program yang dianjurkan ialah USM Prihatin, Komuniti Terpinggir (Marginalised Community), Pendidikan untuk Golongan Terendah (Education for Underpriviledged) dan Lifelong Service for OKU - USM OKU Policy; Inclusive Education (PRINCE); School in Hospital; Universal Design; SOS OKU dan OKU Multi-disciplinary Assessment.

Inai bukan sekadar untuk hiasan perkahwinan

Berinai adalah satu kemestian dalam perkahwinan terutamanya bagi kaum Melayu dan India. Namun, ia bukan hanya terhad untuk majlis perkahwinan sahaja. Kini ia menjadi sebahagian daripada perhiasan kaum wanita.

Inai diterima sebagai perhiasan wanita kerana perkembangan corak inai yang lebih moden kini. Inai kini dipakai untuk menghadiri majlis seperti makan malam dan juga dipakai untuk hiasan harian.

Penerimaan inai sebagai hiasan juga dapat dilihat di Universiti Sains Malaysia (USM). Ketika ekspo WUS 101:Teras Keusahawanan dijalankan, gerai yang menawarkan khidmat melukis inai mendapat sambutan baik daripada siswa-siswi.

Shirley Wong Sing Yienh, Perumahan, Bangunan dan Perancangan 3, menyatakan sebahagian besar keuntungan yang diraih oleh kumpulannya ketika ekspo tersebut adalah daripada khidmat melukis inai.

"Bukan hanya siswi yang berminat dengan khidmat yang kami sediakan. Siswa juga berminat", tambah Shirley.

Mohd. Azroy Affendi bin Mohd. Jasman, Ilmu pendidikan 2, menyatakan walaupun dia tidak melukis inai, inai membuat pemakainya nampak cantik. Pelbagai corak boleh dilukis.

"Asalkan tak menyalahi hukum syarak dan tidak timbulkan rasa riak, melukis inai tidak menjadi satu masalah", tambah Azroy lagi.

Melukis inai juga dibincangkan oleh ilmuwan Islam kerana ia menyerupai tatu dan mencacah tatu bagi umat Islam adalah haram. Ratna Zuzilianty binti Zulkifli, Sains Kemasyarakatan 3, menyatakan dia sedia maklum mengenai isu ini. Namun, dia tidak pasti sejauh mana isu ini telah dibincangkan.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-88 menetapkan bahawa memakai inai pada kedua-dua tangan dan kaki hukumnya adalah harus. Hukum ini hanya terpakai kepada wanita sahaja sama ada yang telah berkahwin atau belum.

Namun, ia terhad sehingga ke pergelangan tangan dan kaki sahaja. Warnanya pula tidak bersifat kekal dan coraknya tidak bertentangan dengan hukum syarak. Bagi lelaki pula ia tidak diharuskan kecuali pada sebilangan jari semasa majlis perkahwinan dan untuk tujuan perubatan.

Inai adalah sejenis tumbuhan herba yang turut digunakan untuk tujuan perubatan. Daunnya dapat mengeluarkan warna. Selain inai, ia turut dikenali sebagai henna atau mehndi.

Rekaan USM ungguli Structura Design Challenge



BANGGA.....pasukan 5 Men Studio dan The Catalyst bersama replica cek dan trofi kemenangan mereka yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan II, P. Kamalanathan (baris belakang, empat dari kanan) dan Ketua Pegawai Operasi Pembangunan Hartanah Kumpulan UDA, Dato' Mohamed Marzuki Basir (baris belakang, tiga dari kanan).

Oleh **NURUL KHAIRIAH MOHAMED YUSOF**

Dua pasukan yang mewakili Universiti Sains Malaysia (USM) berjaya mengungguli tempat pertama dan kedua dalam pertandingan Structura Design Challenge anjuran UDA Holdings Berhad dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia yang diadakan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kedua-dua pasukan, 5 Men Studio dan The Catalyst berjaya menewaskan 26 kumpulan yang mewakili institusi pengajian tinggi awam dan swasta seluruh negara. Kedua-dua pasukan terdiri daripada pelajar Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan di USM.

Pasukan 5 Men Studio yang diwakili oleh Lau Kar Choon, Chew Hung Nien, Nicholas Ng Jin Szach, Mun Kai Hoang dan Saifuddin Mohd Salim memperolehi hadiah wang tunai berjumlah RM50 ribu beserta trofi manakala pasukan The Catalyst yang diwakili oleh Monica Caroline Scenton, Lim Ai Yin, Choo Siew Yg, Chew Kah Heng dan Syamira Suib berjaya membawa pulang wang tunai berjumlah RM30 ribu dan juga trofi.

Pertandingan ini memerlukan peserta untuk mereka bentuk senibina bangunan kompleks membeli belah seluas 8.9 hektar, dikenali sebagai Angsana 2 JB Mall dan bakal dibangunkan oleh UDA di Skudai, Johor.

Menurut, wakil The Catalyst, Syamira Suib, penganjur menyenaraikan kriteria yang diperlukan untuk menyempurnakan projek tersebut iaitu rekaan pasak, persembahan multimedia dalam bentuk video dengan menggunakan perisian AutoCad dan juga konsep kelestarian yang perlu dimasukkan dalam rekaan mereka. Memandangkan lokasi pusat beli- belah tersebut yang di tengah bandar Skudai, rekaan tersebut haruslah unik dan mampu menarik perhatian orang ramai.

"Proses rekaan kami memakan masa selama tiga bulan sebelum pertandingan pada bulan Februari. Sebelum layak ke peringkat akhir, kami sudah melalui banyak fasa kritikan dan komen daripada pensyarah dan penasihat projek bagi memastikan rekaan kami sempurna dan menepati kriteria yang dimahukan penganjur. Dalam masa yang sama, kami juga perlu seimbangkan masa membuat rekaan ini dengan pembelajaran biasa", tambahnya lagi

Hadiah pada peringkat akhir disampaikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan II, P.Kamalanathan dan Ketua Pegawai Operasi Pembangunan Hartanah Kumpulan UDA, Dato' Mohamed Marzuki Basir pada 25 Februari 2015, baru-baru ini.

Gaya pemakanan tidak seimbang punca obesiti

Masalah berat badan berlebihan menjadi satu isu hangat yang kian diperbincangkan di negara kita sejak beberapa tahun ini.

Menurut Pengarah Pusat Sejahtera Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Normala Abdul Wahid, cara pemakanan yang tidak seimbang menjadi punca utama peningkatan kadar obesiti dalam kalangan masyarakat.

"Sifat masyarakat yang mudah terperdaya dengan sebarang jenis makanan tanpa memikirkan kandungan makanan tersebut dapat meningkatkan kadar kolesterol dalam badan mereka yang seterusnya menjadikan mereka obese. Pemilihan makanan yang kurang sihat terutamanya seperti lemak dan makanan manis secara berlebihan dapat meningkat peluang untuk menjadi obesiti dengan lebih cepat", tambah beliau lagi.

Normala berkata kemudahan restoran dan gerai 24 jam serta perkhidmatan penghantaran makanan menjadi punca masyarakat tidak lagi menghiraukan masa makan yang betul dalam kehidupan seharian mereka.

"Gerai dan restoran yang dibuka selama 24 jam ini memudahkan masyarakat mendapatkan sumber makanan setiap masa diperlukan walaupun itu bukan waktu yang sesuai untuk menjamu selera. Ada di antara mereka yang membuat kerja hingga lewat malam dan makan tanpa mengira waktu. Makan ketika membuat kerja tidak salah namun, pengambilan makanan yang berlemak pada lewat malam mampu mengganggu proses pencernaan dalam badan dan menyebabkan pengumpulan lemak secara berlebihan", tegas Normala.

Normala berkata, pengambilan makanan tanpa kawalan dan dalam jumlah yang tidak sesuai dengan aktiviti harian seseorang mampu memberikan impak negatif terdapat diri sendiri.

"Makanan yang dipilih haruslah sesuai mengikut waktu makan tertentu. Pengambilan makanan tengahari dan makan malam secara berlebihan mampu menjejaskan kesihatan diri individu tersebut. Pemilihan makanan mengikut piramid makanan adalah amat digalakkan dalam kalangan masyarakat agar dapat menjaga tubuh badan dengan lebih sihat dan sempurna. Kawalan diri dan minda adalah amat penting dalam pengamalan gaya hidup yang sihat" kata Normala lagi.

Hayati kesan selepas banjir melalui potret



Gambaran Kelantan selepas air surut dipotretkan oleh jurufoto Mohd Radzi Abdul Kadir dan Nasir Ali dipamerkan oleh Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah. Pameran 'Selepas Banjir' berlangsung 11 Februari hingga 7 Mac 2015 yang memberi fokus kepada nilai kemanusiaan.

Pameran 'Selepas Banjir' pamer 150 potret gambaran penderitaan rakyat Kelantan selepas dilanda banjir besar Disember lalu. Pameran berlangsung 11 Februari hingga 7 Mac 2015 di Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah (MGTF).

Menurut Pengarah MGTF, Zolkurnian Hassan, pameran dijalankan untuk mengingati peristiwa yang memberi kesan yang besar khususnya kepada rakyat Kelantan yang kehilangan nyawa, harta benda dan gangguan emosi.

"Kesedaran masyarakat sangat penting untuk pastikan pengurusan selepas banjir diatur dengan baik tanpa mengira kaum, agama mahupun fahaman politik", katanya

Kurator MGTF, Afzanizam Mohd Ali berkata idea tercetus apabila rakannya memperkenalkan dua orang jurufoto amatur yang memotret gambaran beberapa kawasan teruk dilanda banjir di sekitar Kelantan sejurus air banjir surut.

"MGTF memilih potret karya jurufoto Mohd Radzi Abdul Kadir dan Nasir Ali kerana mempunyai nilai artistik yang perlu dikongsi bersama masyarakat untuk melihat ketabahan mangsa banjir", jelasnya.

"Potret-potret ini dirakam ketika bantuan masih sukar disalurkan jelas menunjukkan kesan psikologi terhadap perasaan mangsa yang redha, pasrah dan insaf. Segelintir mangsa dirakam masih dapat mengukir senyuman mahupun sedang dilanda musibah", tambahnya.

> MGTF memilih potret karya jurufoto Mohd Radzi Abdul Kadir dan Nasir Ali kerana mempunyai nilai artistik yang perlu dikongsi bersama masyarakat untuk melihat ketabahan mangsa banjir

Rebutlah peluang jadi penulis

Oleh **VICTORIA SOFIA**

Syarikat penerbitan buku urban Lejen Press memberi peluang kepada siswa-siswi universiti untuk menghantar karya mereka untuk diterbit.

Menurut wakil Lejen Press, Shahrizat Ahmad, siswa-siswi boleh menghantar tiga bab pertama yang mengandungi 3,000 hingga 4,000 patah perkataan tanpa mengira genre kepada syarikat tersebut.

"Kami menerima pelbagai genre, walau bagaimanapun bahasa yang digunakan haruslah tidak skema atau kaku. Maknanya, urban dan santai", katanya.

Karya yang dihantar mestilah asli dan berani serta tidak ditiru daripada mana-mana pihak.

Tambahnya lagi, sekiranya hasil karya tersebut diterima oleh Lejen Press, penulis akan menikmati bayaran royalti dan program jelajah buku. Walau bagaimanapun, bayaran royalti adalah berdasarkan perjanjian penulis dan Lejen Press.

Hasil karya yang dihantar oleh siswa-siswi akan dinilai oleh 11 ahli panel yang terdiri daripada penulis, pembaca tegar dan staff Lejen Press.

"Panel penilai akan memberi komen daripada segi tatabahasa, pengolahan cerita dan kesalahaan ejaan", jelasnya lagi.

Lejen Press juga menerima jumlah hasil karya yang menggalakkan daripada pembaca belia.

"Kebanyakan hasil karya yang kami terima adalah daripada pembaca yang berada dalam lingkungan umur 20 hingga 30 tahun," katanya.

Merujuk kepada aktiviti Pameran Buku bersempena Hari Bersama Pelanggan PHS, sambutan daripada siswa-siswi USM terhadap penjualan buku-buku Lejen Press sentiasa menggalakkan.

"Kalau ikut rekod sebelum ini, sambutan di USM memang sangat mengalakan dan tidak pernah mengecewakan. Maknanya, permintaan terhadap buku-buku Lejen Press sentiasa ada", kata Shahrizat.

Lejen Press ialah salah sebuah daripada penerbit buku yang telah dijemput oleh Perpustakaan Hamzah Sendut bersempena Hari Bersama Pelanggan. Bagi siswa-siswi yang berminat untuk menghantar hasil karya ke Lejen Press, karya tersebut harus dihantar kepada manuskrip@lejenpress.com.

PHS rapatkan ikatan dengan warga USM

Minggu Bersama Pelanggan telah memberi peluang kepada PHS untuk merapatkan hubungan dengan warga Universiti Sains Malaysia (USM).

Program tersebut bukan sahaja telah menyediakan aktiviti untuk siswa-siswi USM, malah pensyarah juga boleh mendapatkan manfaat daripada program ini.

Ahli Jawatankuasa Minggu Bersama Pelanggan PHS, Mohd Kamal Mohd Napiah berkata beberapa seminar telah dirancang untuk pensyarah dan pelajar pascasiswah selama 3 hari. Antara penceramah yang dijemput ialah Dr Othman Talib, Profesor Abdul Karim Alias dan Deirdre Dunne yang berfokuskan kepada penyelidikan seperti cara-cara untuk menulis tesis.

"Kami telah menjemput penceramah-penceramah dari dalam dan luar universiti. Kebanyakan penceramah tersebut terdiri daripada pensyarah dan ahli penyelidik", katanya.

Selain itu, PHS telah mengambil inisiatif untuk merapatkan hubungan dengan warga USM dengan menyediakan gerai sekretariat PHS agar mereka boleh bertanyakan soalan mengenai PHS kepada sekretariat tersebut.

Di samping itu, PHS juga berminat untuk mengetahui tahap kepuasan warga USM terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh PHS melalui pengedaran borang soal selidik kepada warga USM.

"Pada tahun lepas, kami juga telah mengedarkan borang soal selidik kepada pelanggan dan kami telah mendapat maklum balas yang agak bagus. Tahap kepuasan warga USM terhadap perkhidmatan PHS masih lagi pada tahap yang memuaskan", kata Kamal.

Tambahnya lagi, tahun ini ialah tahun kedua Minggu Bersama Pelanggan diadakan secara besar-besaran kerana ingin mendekati semua pelanggan PHS.

Minggu Bersama Pelanggan diadakan pada 2 sehingga 6 Mac di sekitar kawasan PHS. Aktiviti lain termasuklah Pameran Buku dan Pameran ICT, Movie Under the Stars dan quiz dan cabutan bertuah.

> Kami telah menjemput penceramah-penceramah dari dalam dan luar universiti. Kebanyakan penceramah tersebut terdiri daripada pensyarah dan ahli penyelidik.



PASANGAN pengantin sedang menjalankan adat istiadat perkahwinan tradisonal masyarakat Chetti.
Gambar oleh T. Sithambharam Pillay@ Jeeva.

Uniknya Peranakan India

Komuniti peranakan Cina iaitu Baba Nyonya dikenali ramai kerana budaya, amalan dan adat yang unik dan menarik. Hal ini berbeza dengan komuniti Chetti. Golongan ini masih tidak dikenali ramai serta membangkitkan persoalan siapakah mereka walaupun mereka telah menjejaki Tanah Melayu sebelum kedatangan Parameswara pada 1401 atas urusan perdagangan.

Hasil perkahwinan campur antara pedagang India yang beragama Hindu dengan masyarakat tempatan telah melahirkan sebuah komuniti digelar sebagai peranakan India atau lebih dikenali sebagai masyarakat Chetti. Kini satu-satunya Kampung Chetti di Malaysia masih wujud di Kuala Berang, Melaka. Mungkin ramai keliru dengan perkataan Chetti dan Chettiyar kerana sebutannya hampir sama. Namun, masyarakat Chetti dan golongan Chettiyar tidak mempunyai sebarang pertalian. Mengikut strata sosial penganut Hindu, Chettiyar menduduki peringkat tertinggi selepas Brahmin dan libat dalam urusan memberi bantuan kewangan kepada pedagang. Strata sosial dibahagikan berdasarkan pekerjaan, kekayaan dan kuasa. Chetti pula perkataan bahasa tamil yang ditujukan kepada pedagang.

Pada kurun ke-2 pedagang India Selatan mula berulang-alik dari Kanchipuram atau kawasan sekitarnya ke Melaka bagi tujuan perdagangan. Pada ketika itu, Melaka termasyur sebagai pusat perdagangan dan menjadi tumpuan pedagang dari India Selatan. Mereka hanya menggunakan kapal asap, arang, atau angin dan bergantung kepada perubahan monsun bagi meneruskan perjalanan. Keadaan ini memerlukan tempat untuk berteduh selama enam hingga lapan bulan sekiranya bersinggah ke Tanah Melayu. Pemerintahan Melaka telah menyediakan sebuah penempatan bagi pedagang India bagi memudahkan urus niaga mereka yang dikenali sebagai Kampung Keling.

Bagi pengetahuan orang ramai, Jalan Hang Jebat, Melaka yang menjadi tumpuan para pelancong, dahulunya tersohor sebagai Kampung Keling. Penempatan mereka dinamakan sebagai Kampung Keling sempena nama kampung asal mereka iaitu, Kaling Gappatinam. Perkataan Kaling Gappatinam disingkatkan sebagai Keling mengikut kesesuaian sebutan orang tempatan.

Pada tahun 1511, Kerajaan Melayu Melaka jatuh ke tangan Portugis. Semasa pemerintahan Portugis masyarakat Chetti diberikan tanggungjawab untuk mengetuai beberapa golongan pedagang termasuk pedagang India muslim. Seterusnya, kurun ke-16 menandakan titik hitam dalam kehidupan masyarakat Chetti kerana Belanda mula memberi peluang kepada pedagang dari Arab dan China. Tindakan Belanda mengenakan banyak sekatan menyusahkan para pedagang. Masyarakat Chetti turut diketepikan serta hilang peluang perdagangan. Akibatnya mereka mula tumpukan perhatian kepada pertanian.

Rentetan itu, masyarakat Chetti berpindah dari Kampung Keling ke Gajah Berang dan mula bercucuk tanam serta melakukan segala aktiviti yang diketahui demi mata pencarian. Menurut masyarakat Chetti, perkataan Kanchipuram telah bertukar menjadi Gajah Berang akibat kesukaran menyebut perkataan tersebut.

Peralihan kuasa ke tangan British sekitar kurun ke-17 dan 18 memberi peluang kepada masyarakat Chetti untuk memenuhi keperluan tenaga buruh di bawah pentadbiran British. Masyarakat Chetti yang cerdik dan boleh berbahasa Inggeris digalakkan untuk berhijrah ke Singapura. Tanpa sebarang bantahan, sekelompok masyarakat Chitti rela berhijrah kerana dilantik sebagai kakitangan awam sekaligus dapat menikmati corak kehidupan dan taraf kehidupan yang tinggi. Kebanyakan daripada mereka dilantik sebagai kerani, cikgu sementara dan juga pekerja pejabat peguam. Hasilnya, sebahagian komuniti Chetti menjadi rakyat Singapura.

Kemusnahan akibat bencana dan kemiskinan yang melanda negara asal pada ketika itu telah mendorong masyarakat ini untuk terus menetap di Kota Melaka. Lagipun, komuniti Chetti ini hanya mahir dalam urusan perdagangan dan tidak mempunyai banyak pilihan selain menetap di Kota Melaka dan mengahwini orang tempatan.

Perkahwinan campur antara pedagang India dengan orang tempatan seperti Melayu dan Cina telah mencetuskan proses asimilasi dimana masyarakat minoriti ini telah meresapkan budaya tempatan dalam kehidupan seharian mereka. Faktor asimilasi juga menjadi pendukung kebudayaan yang mempamerkan sedikit kelainan berbanding kaum India asli yang bermastautin di Tanah Melayu sejak kedatangan British.

Ternyata penganut setia agama Hindu yang mengenakan baju kebaya bagi upacara keagamaan dan fasih bertutur dalam bahasa Melayu telah mencerminkan asimilasi budaya yang diamalkan oleh kaum Chetti. Secara praktisnya, komuniti Chetti menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda kerana diasuh oleh ibu mereka yang berbangsa Melayu atau Cina. Bahasa Melayu kekal menjadi bahasa ibunda komuniti Chetti sehingga hari ini kerana terikat dengan sejarah masa lampau. Sedemikian itu, peranan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan pada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka telah menyebabkan perempuan Cina yang mengahwini orang Chetti turut menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dan bukannya bahasa Cina untuk berinteraksi dengan anak-anak mereka. Namun, sehingga hari ini komuniti Chetti masih mengalami kesukaran untuk mempelajari bahasa Tamil walaupun inisiatif untuk meningkatkan kemahiran bertutur dalam bahasa Tamil telah diusahakan melalui kelas tambahan pada waktu petang.

Komuniti Chetti yang kini menetap di Gajah Berang, Melaka merupakan satu-satunya komuniti peranakan India yang bertapak di Malaysia sejak zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka di Tanah Melayu serta diwartakan sebagai Kampung Warisan dibawah Kerajaan negeri Melaka.

PERKAHWINAN CHETTI

Perkahwinan komuniti Chetti hampir sama dengan adat perkahwinan kaum India. Namun begitu, terdapat beberapa adat yang menyerlahkan keunikan budaya Chetti. Mengikut adat 'masuk India', seorang lelaki yang bukan berasal daripada komuniti Chetti akan diterima sebagai Chetti apabila mengahwini perempuan komuniti berkenaan. Begitu juga perempuan etnik lain yang ingin berkahwin lelaki Chetti harus memilih nama Hindu mereka terlebih dahulu sebelum melaksanakan perkahwinan. Selepas perkahwinan mereka menggunakan nama Hindu mereka.

Seterusnya, tradisi main congkak setelah melaksanakan upacara perkahwinan juga antara elemen yang unik dalam perkahwinan Chetti. Tradisi ini melibatkan keluarga pengantin perempuan dan lelaki bagi mengeratkan hubungan silaturahim. Pihak yang kalah akan disuapkan buah pisang. Congkak menjadi popular ketika zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka setelah dibawa masuk oleh saudagar Arab yang datang atas urusan perdagangan. Hal ini jelas menunjukkan proses resapan budaya Arab ke dalam masyarakat Melayu akhirnya dipindahkan kepada masyarakat Chetti.

Mereka turut melaksanakan upacara mandi-manda pada keesokan hari selepas hari perkahwinan dimana kedua-dua pengantin akan dimandikan oleh ahli keluarga. Seluruh komuniti Kampung Chetti juga akan terlibat dalam upacara ini bagi meraikan pengantin perempuan dan lelaki.

Selain pengaruh budaya India dan Melayu, komuniti Chetti juga telah meresapkan budaya Baba Nyonya. Pengaruh Baba Nyonya dapat dilihat terutamanya dari segi pakaian tradisi komuniti Chetti iaitu, pakaian sarung dan juga kebaya. Walaubagaimanapun, aspek pakaian tradisi Baba Nyonya pada asalnya memperlihat pengaruh budaya Melayu.

PANTANG LARANG

Dari segi kehidupan harian kaum Chetti, tidak wujud perbezaan ketara dengan kaum lain seperti Melayu, Baba Nyonya dan Portugis. Namun, kaum ini amat mementingkan kebudayaan, pantang larang, adat resam dan kesenian mereka. Menurut Setiausaha Persatuan Kebajikan dan Kebudayaan Kaum Chetti Melaka, Mohana Pillai, kaum Chetti Melaka adalah penduduk warisan kaum Chetti yang menjadi pelapis kepada generasi muda.

"Perkara yang kita tumpukan di sini adalah asal-usul kita. Walaupun kebanyakan kita tidak boleh berbahasa Tamil, kita masih pentingkan keagamaan dan pantang larang", jelas Mohana.

Pantang larang tidak hanya bermaksud tidak melakukan perbuatan yang terhalang. Ia mempunyai maksud tertentu yang dapat mengelakkan berlakunya perkara yang tidak elok. Setiap pantang-larang yang wujud ada logiknya sekiranya difikirkan dengan lebih mendalam.

Sebagai contoh, pantang larang

yang diamalkan kaum Chetti amat menitikberakan kesopanan dan kesusilaan. Hal ini jelas kelihatan apabila pantang larang turun-temurun mereka memerlukan seseorang tunduk dan meminta izin tumpang lalu daripada orang tua apabila hendak keluar.

Anak dara pula tidak dibenarkan keluar rumah kecuali apabila ditemani orang tua atau bapa. Mereka perlu berada di bilik atau dapur apabila tetamu datang. Sekiranya ingin menghidangkan minuman atau makanan kepada tetamu, mereka memerlukan izin ibu untuk masuk dan perlu meninggalkan ruang tamu selepas itu. Maka, anak gadis jarang dilihat di ruang tetamu atau di luar rumah.

Apabila orang dewasa tengah berbual, golongan muda tidak dibenarkan duduk bersama-sama dan mendengar perbualan tersebut. Di samping itu, orang luar tidak dibenarkan masuk ke dalam rumah tanpa izin. Biasanya, tetamu akan duduk di serambi yang diperbuat daripada batu di halaman rumah.

Terdapat juga pantang-larang yang harus diikuti apabila terdapat kelahiran atau kematian di rumah kaum Chetti. Apabila terdapat kelahiran, rumah tersebut akan dianggap “kotor”. Bayi yang baru lahir tidak boleh dimasukkan ke dalam buaian pada 16 hari pertama. Ibu dan bayi hendaklah melalui upacara “Puniathanam” untuk membersihkan diri mereka. Selepas rumah direnjis dengan “air tanum” iaitu air yang dijampi untuk membersihkan rumah, bayi tersebut akan dicukur rambutnya. Kepala bayi kemudiannya disapu dengan serbuk cendana yang dicampur air untuk menyejukkan kepalanya. Selepas itu, adik-beradik lelaki sebelah ibu akan mengangkat bayi tersebut ke dalam buaian.

Terdapat juga pantang larang yang hampir sama seperti masyarakat Melayu yang menjadi amalan kaum Chetti ini. Antaranya ialah gadis dilarang menyanyi ketika memasak atau kelak akan kahwin dengan lelaki tua. Anak dara tidak boleh duduk di muka pintu atau kelak sukar mendapat jodoh. Dilarang mengetuk kuali ketika masak atau akan berat rezeki. Jangan meminjam jarum atau garam pada waktu malam, ia akan mengurangkan rezeki. Hal ini disebabkan asimilasi kebudayaan Melayu yang telah diserap oleh kaum pedagang ini apabila tiba di Melaka pada kurun ke-14.

Hanya terdapat seramai 150 hingga 200 Peranakan India yang tinggal di perkampungan Chetti di Gajah Berang, Melaka. Mereka penganut agama Hindu, tidak tahu berbahasa Tamil tetapi fasih berbahasa Melayu. Jelas sekali, keunikan sejarah, budaya, adat dan pantang-larang kaum ini harus terus dipelihara. Namun, kaum ini sedang menghadapi cabaran dalaman dan luaran yang boleh menggugat pengekalan warisan mereka. Cabaran dalaman yang dihadapi adalah penghijrahan penduduk ke kawasan bandar seperti Kuala Lumpur dan perkahwinan campur. Cabaran luaran pula adalah pembangunan yang sedang dijalankan di Lot 93.

Seni masyarakat Chetti Melaka

Chetti memiliki keunikan dan keistimewaan yang tersendiri dalam penghasilan kraftangan seperti etnik lain yang terdapat di negara kita. Hasil kraftangan ini bergantung sepenuhnya kepada pengukir atau pembuat kraftangan tersebut.

Menurut Suppiah Pillay Kandasamy Pillay, yang dalam lingkungan berusia 50-an, sudah 10 tahun dia menghasilkan kraftangan masyarakat Chetti. Antara kraftangan yang menarik minat orang ramai adalah topi,kasut manik dan ukiran kayu.

“Topi adalah sejenis kelengkapan yang harus digunakan pada majlis tertentu seperti perkahwinan. Topi ini dipakai oleh pengantin lelaki. Bentuk topi tidak jauh beza dari bentuk songkok Melayu. Hal ini jelas menunjukkan asimilasi budaya kaum Melayu dalam kalangan masyarakat Chetti. Namun, perkara yang membezakan topi dan songkok adalah topi diperbuat dari kain sarung atau batik yang terpilih dan ia mempunyai satu bahagian kecil berbentuk segi tiga di hadapannya”, kata Suppiah.

Selain itu, kasut juga turut diberi perhatian oleh golongan wanita Chetti, sama seperti golongan Nyonya. Kasut manik dihasilkan mengikut kehendak si pemakai. Manik disulam indah dan mengikut gaya yang diminati. Pembuatan kasut manik ini mengambil masa beberapa minggu mahupun bulan, bergantung kepada reka bentuk kasut berkenaan. Pembuatan kasut manik ini diberi perhatian yang khusus kerana dipercayai dapat menggambarkan status si pemakai.

“Segala bentuk ukiran kayu yang dibuat adalah mengikut kreativiti dan kemahiran saya sendiri. Minat yang mendalam dan kesabaran adalah penting dalam penghasilan ukiran ini. Ukiran kereta lembu, rupa manusia, dan binatang adalah ukiran yang kerap yang buat. Pengukiran ini mengambil masa yang agar lama kerana tidak boleh dilakukan secara bergesa-gesa. Kekurangan peralatan dan bahan keperluan juga melambatkan lagi proses menyiapkan ukiran berkenaan”, tambah Suppiah.

Walaupun memiliki keunikan yang tersendiri namun Suppiah kecewa kerana sehingga kini hanya beliau sahaja harapan masyarakat Chetti untuk menghasilkan sebarang kraftangan sama ada untuk perayaan mahupun persembahan. Hal ini kerana sifat golongan muda yang tidak mengerti nilai dan kepentingan seni ini kepada masyarakat Chetti.

Menurut Suppiah lagi, golongan muda tidak mempunyai kesabaran dan keinginan untuk mempelajari seni kraftangan tersebut. Beliau berharap agar generasi muda dapat menanam semangat untuk mempelajari seni ini supaya beliau tidak menjadi orang terakhir mewarisinya. Kraftangan ini adalah identiti masyrakat Chetti Melaka.





MENARIK...kraftangan Chetti berbentuk rupa manusia yang digantung di luar rumah Suppiah Pillay sebagai alat perhiasan halaman rumah tersebut.

Cerita si pelindung budaya Chetti

Kewujudan satu-satunya Kampung Chetti di Malaysia menjadi kebanggaan bukan sahaja bagi kaumnya tapi juga masyarakat tempatan kerana kewujudannya secara tidak langsung dapat memelihara keunikan budaya Chetti itu sendiri. Namun demikian, keistimewaan ini tidak banyak membantu menyelesaikan kerisauan penduduk Kampung Chetti. Bukan hanya isu pembinaan di Lot 93, tetapi mereka juga risau tentang penghijrahan generasi muda ke bandar serta perkahwinan campur yang menyebabkan populasi Chetti semakin mengecil.

Pengekalan sesuatu budaya memerlukan kegigihan dan kerjasama daripada kaum itu sendiri. T. Sithambharam Pillay atau lebih dikenali sebagai Jeeva, generasi muda dalam Kampung Chetti yang berumur 29 tahun menyatakan kebimbangannya yang sama apabila ditanya tentang kekangan yang dialami oleh kaum tersebut. Beliau menekankan kepentingan wujudnya Kampung Chetti sebagai salah satu sebab utama pengekalkan budaya Chetti.

“Salah satu sebab budaya Chetti masih wujud adalah disebabkan kewujudan Kampung Chetti. Jika orang Chetti tinggal berselerak seperti ada di Kuala Lumpur dan ada di Johor, maka kita tidak mampu untuk menjalankan apa-apa kerana kita bukan tinggal dalam satu kampung. Contoh Punggal, lembu perarakan kampung yang baru-baru ini diadakan. Jika kita tiada kampung sendiri, kita tidak akan ambil lembu itu pusing taman orang lain kerana ia tidak masuk akal”, kata Jeeva.

Usaha Jeeva memelihara budaya kaum Chetti direalisasi menerusi perkahwinan beliau sendiri yang berlangsung pada November 2014 mengikut tradisi kaum Chetti.

“Tentang amalan perkahwinan tradisi chetti, saya berasa ini adalah satu peluang untuk membuka mata pihak awam. Ini bukan acara perkahwinan saya sahaja, tetapi melibatkan seluruh penduduk di Kampung Chetti, orang awam dan media. Pada hari tersebut, terdapat 650 hingga 700 orang yang menghadiri majlis perkahwinan saya. Seandainya usaha untuk memperkenalkan budaya kaum Chetti melalui perkahwinan saya ini dapat difahami oleh 5% hadirin, maka tujuan berlangsungnya perkahwinan tradisi Chetti saya telah tercapai”, jelasnya.

Kini jarang ada generasi muda yang melangsungkan perkahwinan mengikut penuh cara tradisi kaum sendiri. Namun bagi Jeeva, kegigihannya melindung budaya kaum sendiri jelas dilihat apabila ditanya sebab berbuat demikian.

“Jika saya tak buat (secara tradisi), kamu pun tak buat, siapa lagi akan buatnya? Hanya orang Chetti Melaka sendiri yang akan buat,” katanya.

Menurut Jeeva, kos menjalankan perkahwinan secara tradisional memang tinggi sehingga mencecah sepuluh ribu ringgit Malaysia. Hal ini kerana kebanyakan alatan dan baju perkahwinan perlu ditempah dari India. Walau bagaimanapun, persoalan kewangan bukan halangan kepada beliau untuk meneruskan majlis perkahwinan tradisi. Hal ini kerana tujuan utama Jeeva adalah untuk memperkenalkan budaya Chetti kepada masyarakat awam.



Suppiah Pillay Kandasamy Pillay



T. Sithambharam Pillay, atau dikenali sebagai Jeeva.

Komuniti Chetti tetap optimis

Keunikan yang dimiliki kaum Chetti adalah khazanah yang sangat berharga. Namun, jika khazanah ini tidak dipelihara, ia akan terus pupus. Projek pembangunan di Lot 93 mampu mendatangkan kesan buruk terhadap khazanah kaum Chetti ini. Walau bagaimanapun, kaum ini tetap bersikap optimis.

Setiausaha Persatuan Kebajikan dan Kebudayaan Kaum Chetti, Mohan K. Pillay menyatakan pembangunan yang dijalankan ini tidak boleh dilihat dari aspek keburukannya sahaja. Setiap perancangan yang dijalankan pasti mempunyai kebaikan dan keburukan.

"Pembangunan ini juga akan membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat Chetti yang tinggal bersebelahan dengan tapak projek di Lot 93 ini", kata Mohan.

Selain itu, Mohan turut menyatakan pembinaan ini juga berkemungkinan akan memperkenalkan perkampungan Chetti kepada masyarakat luar. Ia akan menjadikan Kampung Chetti sebagai tarikan utama pelancong.

Apabila Kampung Chetti menjadi tarikan pelancong, kegiatan ekonomi masyarakat Chetti juga akan terus meningkat. Mohan turut menambah bahawa perancangan untuk membuka perniagaan makanan komuniti Chetti mungkin akan menjadi realiti apabila Kampung Chetti lebih terkenal.

Tambahan lagi, pembangunan ini akan meningkatkan lagi nilai hartanah di sekitar kawasan ini. Nilai hartanah akan meningkat apabila sesuatu kawasan menjadi tumpuan. Hotel yang dibina berkemungkinan akan membantu menarik pelancong. Hal ini juga merupakan satu faedah yang bakal diperoleh oleh kaum Chetti. Memiliki nilai hartanah yang tinggi menjadi satu jaminan kepada mereka.

Walaupun memiliki jaminan kehidupan yang lebih baik, khazanah kaum Chetti mungkin akan hilang jika anak mudanya tidak kenal adat budaya sendiri. Oleh itu, menjadi harapan kaum Chetti untuk memiliki taman asuhan kanak-kanak Chetti. Taman ini akan mengajar cara hidup, pantang larang dan adat kaum Chetti. Pembinaan taman asuhan sebegini akan memastikan adat budaya kaum Chetti terus lestari.

> "Walaupun memiliki jaminan kehidupan yang lebih baik, khazanah kaum Chetti mungkin akan hilang jika anak mudanya tidak kenal adat budaya sendiri."



PROJEK pembinaan Lot 93 yang kini sedang dijalankan hanya bersebelahan dengan Kuil Muthu Mariamman dengan jarak kurang dari 100 meter.

Antara pembangunan dan warisan

Kampung Chetti, Gajah Berang, Melaka terletak di tanah Lot 94, 95 dan 96. Di tengah-tengah perkampungan itu terletak Lot 93 yang telah dirancang pembinaan dua blok kondominium 22 tingkat, hotel 12 tingkat dan tempat letak kereta 6 tingkat. Projek ini sudah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Melaka dan ia menyebabkan penduduk Kampung Chetti bimbang jika pembangunan ini boleh melenyapkan kampung warisan mereka secara perlahan-lahan.

Penduduk Kampung Chetti membantah projek pembinaan ini kerana ia sangat hampir dengan Kuil Muthu Mariamman yang dianggap sebagai tempat suci mereka. Ia tidak sepatutnya berlaku kerana jarak antara tapak pembinaan dengan kuil kurang dari 100 meter.

Pembinaan ini bakal mengubah segala-galanya

Menurut ketua komuniti yang menentang pembinaan tersebut, T. Sithambharam Pillay atau lebih dikenali sebagai Jeeva, sebagai generasi muda kaum Chetti, beliau mahu terus mempertahankan kampung nenek moyangnya.

Pemuda itu sedar bahawa sekiranya mereka menghentikan perjuangan dan tuntutan, kampung warisan tersebut akan mula lenyap secara perlahan-lahan.

"Pembinaan ini diibaratkan seperti 'bom masa' untuk kampung kami dan warisan kampung ini akan hilang bila-bila masa sahaja", katanya dengan penuh rasa kesal.

Menurut Jeeva lagi, antara masalah yang dihadapi oleh penduduk Kampung Chetti sejak pembinaan tersebut dijalankan ialah masalah banjir yang semakin meruncing dan ia akan berlaku sebanyak empat kali dalam masa setahun.

"Kami tidak pernah mengalami masalah banjir yang sebegini teruk dan pembinaan di Lot 93 telah mengakibatkan masalah banjir semakin teruk di kampung kami", ujar beliau lagi.

Selain masalah banjir, masalah sosial juga turut dikhuatiri oleh penduduk Kampung Chetti. Hal ini demikian kerana pekerja-pekerja di tapak pembinaan tersebut "keluar-masuk" dari kampung tersebut dengan sesuka hati.

"Baru-baru ini salah seorang daripada mereka mabuk dan membuat kacau di kampung. Perkara ini telah menimbulkan kerisauan dalam kalangan penduduk kampung ini, terutama yang berkaitan dengan keselamatan", tambah Jeeva lagi.

Jeeva turut percaya bahawa pembangunan moden di sekeliling akan bertambah satu demi satu. Pembangunan Lot 93 hanya satu permulaan.

Menurut seorang lagi penduduk Kampung Chetti, Mohan Pillay, beliau berpendapat bahawa memang tidak dapat diterima akal jika sesiapa mengatakan projek itu tidak akan menjejaskan Kampung Chetti.

Mohan Pillay ialah anak jati Kampung Chetti yang sudah menetap di sini selama enam keturunan.

"Ini adalah kampung kami, tanah milik nenek-moyang kami. Sepatutnya kerajaan tempatan memelihara dan melindungi tapak warisan ini", kata setiausaha Persatuan Kebajikan dan Kebudayaan Kaum Chetti Melaka itu lagi.

Apa-apa pun, masyarakat Chetti di Melaka amat unik dan keunikan itu harus terus dipelihara. Kampung ini perlu terus dilindungi daripada menjadi mangsa kerakusan kuasawan bertopengkan pembangunan. Hal ini juga seharusnya membuka mata banyak pihak supaya lebih bertanggungjawab dalam memelihara dan memulihara warisan negara.





[ATAS] Salah seorang penduduk Kampung Chetti, Mohan Pillay
[KANAN] MUZIUM Chetti Melaka, salah satu usaha penduduk Kampung Chetti memperkenalkan budaya mereka kepada masyarakat melalui pameran barangan tradisi yang bersejarah.

Oleh **MUHAMMAD FAUZI SAMSUDIN**



Gambar asal (kiri) dan gambar selepas diputarkan 180 darjah (kanan) mewujudkan ilusi bahawa pengunjung terapung dekat dengan siling rumah Upside-Down House di Melaka.



Kakitangan Upside-Down House Melaka menunjukkan contoh aksi yang boleh dilakukan oleh pengunjung.

Galeri unik untuk 'si kaki gambar'

Apakah yang akan terjadi sekiranya anda seorang anti-graviti? Pernahkah anda terfikir bagaimana anda akan menjalani kehidupan apabila lantai yang kebiasaannya menjadi tapak untuk berjalan kini telah menjadi siling dan siling yang dahulunya merupakan tempat tergantungnya kipas dan lampu telah menjadi lantai bagi anda. Sudah semestinya situasi ini akan membuat kehidupan anda tunggang-langgang.

Namun begitu, tidak semua dunia terbalik atau upside-down menimbulkan kekeliruan kerana terdapat satu lokasi upside-down yang sangat mengagumkan dan memukau pandangan sesiapa yang mengunjunginya. Upside-Down House Melaka merupakan sebuah tarikan baharu yang semestinya dapat memikat hati pengunjung untuk dilawati.

Upside-Down House Melaka adalah sebuah galeri yang sangat unik berdasarkan faktor kedudukan dan susun atur perabotnya yang berada di atas kepala sehingga membuatkan galeri tersebut seolah-olah sebuah rumah yang terbalik. Galeri ini merupakan yang pertama di Semenanjung Malaysia. Beroperasi sejak 21 November 2014, galeri yang dilengkapi dengan sebuah ruang tamu, dapur, bilik utama, bilik kanak-kanak dan tandas telah dilawati kira-kira 15 hingga 16 ribu pengunjung yang mana 50 % daripada pengunjungnya terdiri daripada golongan telah berkeluarga.

Menurut Pengurus Upside-Down House Melaka, Looi Boon Fui, beliau mendapat idea untuk membina galeri ini berdasarkan fenomena masyarakat pada masa kini yang amat gemar mengambil gambar. Beliau yang menginginkan sesuatu yang lain dari yang lain telah membuat keputusan untuk membuka sebuah galeri berkonsepkan sebuah rumah terbalik.

LOKASI BERGAMBAR YANG UNIK

Kunjungan ke galeri ini tidak akan lengkap tanpa mengambil gambar sebagai kenangan yang boleh diabadikan dan bukti pengunjung pernah melawati galeri ini. Keunikan galeri ini dari segi kedudukan perabotnya pasti membuatkan pengunjungnya tidak akan puas untuk bergambar. Pelbagai aksi boleh dilakukan dan apabila gambar diputarkan kepada 180 darjah hasilnya sungguh menarik. Bayaran masuk adalah berpatutan iaitu RM15 untuk dewasa, RM10 untuk kanak-kanak dan warga emas serta potongan harga 50% untuk Orang Kurang Upaya (OKU).

Pengunjung tidak perlu khuatir mengenai cara untuk mengambil gambar kerana terdapat contoh gambar yang ditampalkan pada dinding sebagai panduan kepada pengunjung. Bahkan pengunjung turut boleh mendapatkan bantuan daripada kakitangan yang sentiasa berada di dalam galeri untuk mengambil gambar kerana setiap kakitangan galeri ini telah diajar teknik asas mengambil gambar oleh pemilik galeri.

Menurut seorang pengunjung, Yap Meng Wei, kunjungan ke Upside-Down House Melaka merupakan salah satu aktiviti yang telah dirancang oleh teman wanitanya ketika menyambut Hari Kekasih pada 14 Februari.

"Saya berasal dari Kuala Lumpur dan teman wanita saya berasal dari Melaka. Dia yang telah mencadangkan saya untuk melawati galeri ini. Saya merasakan konsep galeri adalah sesuatu baru di Malaysia dan saya sangat suka dengan hasil gambar apabila diputarkan", jelasnya.

MELAKA PILIHAN TERBAIK

Melaka dipilih sebagai lokasi pembinaan galeri kerana negeri ini kaya dengan sejarah, kepelbagaian budaya dan daya tarikan pelancong yang tinggi. Berdasarkan kedudukannya yang strategik, iaitu antara Kuala Lumpur dengan Singapura, menyebabkan hampir lapan hingga sepuluh juta pelancong datang melawati Melaka sepanjang tahun 2014.

Menurut Looi Boon Fui lagi, hampir 90% pengunjung galeri ini terdiri daripada penduduk tempatan manakala 10% yang lain adalah pengunjung dari luar negara yang terdiri daripada Singapura, Thailand, Indonesia, Vietnam, Afrika Selatan dan banyak lagi. Pengubahsuaian dari segi susun atur perabot dan penambahan ruang galeri akan dilakukan pada masa hadapan sebagai usaha menarik lebih ramai pengunjung.

SATU HENTIAN PELBAGAI TARIKAN

Kedudukannya yang strategi iaitu di tengah-tengah pusat bandar dan kawasan pelancongan membuatkan pengunjung pasti akan melawati galeri ini. Pengunjung tidak perlu risau mengenai masalah penginapan kerana tedapat lebih daripada 70 buah hotel termasuk rumah tumpangan di sekitar kawasan galeri ini.

Mengunjungi galeri Upside-Down House Melaka memberi peluang kepada pengunjung untuk melawati lokasi pelancongan lain yang berdekatan dengan lokasi galeri. Dengan hanya berjalan kaki selama lima minit sahaja, pengunjung akan bertemu dengan Muzium Maritim, Menara Taming Sari dan Melaka River Cruise.

Manakala dengan hanya berjalan kaki selama 10 minit, pengunjung boleh melawati Jonker Street, The Stadthuys, St. Paul's Hill, Kota A'Famosa, Muzium Stem Melaka, Muzium Islam Melaka, Dataran Pahlawan dan Mahkota Parade. Sekiranya anda melawat Upside-Down House Melaka, tidak lengkap kunjungan sekiranya tidak mengambil kesempatan untuk melawati lokasi menarik yang lain. Bah kata pepatah Melayu, 'Sambil menyelam, minum air'.

Keselamatan menjadi taruhan

Kedudukan perabot yang dilekatkan di atas siling menyebabkan pemiliknya menjadikan faktor keselamatan sebagai agenda utama dalam pengorganisasian galeri ini. Sekiranya terdapat kelemahan dari aspek keselamatan, pengunjung akan berhadapan dengan risiko dihempap oleh perabot-perabot berat seperti kerusi, peti sejuk, televisyen, meja makan, katil , almari dan sebagainya.

Justeru, bagi memastikan kestabilan kedudukan perabot di atas siling, besi konkrit digunakan untuk melekatkan perabot berat seperti katil, almari, meja makan, kerusi, sofa dan peti sejuk pada siling tersebut. Manakala pemasangan perabot dengan menggunakan skru digunakan untuk barangan ringan seperti patung beruang, selipar, pinggan mangkuk plastik dan replika makanan. Pita pelekat juga digunakan untuk barangan seperti bungkusan snek makanan.

Pelajar IPT perlu bijak uruskan wang

Oleh **NABILAH AISHAH TAWANG**



SUMBER GOOGLE IMAGES

Masalah kewangan adalah salah satu isu utama pelajar dalam menjalani kehidupan sebagai penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT). Kebanyakan pelajar tidak tahu bagaimana untuk menguruskan perbelanjaan mereka dengan baik, terutama pelajar tahun satu yang baru sahaja melangkah masuk dari alam sekolah ke alam universiti. Jika dahulu duit belanja sudah tersedia oleh ibu bapa, kini tiada lagi. Pada peringkat IPT bukan sahaja kewangan, malah banyak aspek lain lagi yang perlu diuruskan seperti penglibatan akademik dan penyediaan keperluan harian. Situasi ini merupakan cabaran kepada pelajar untuk menghadapinya dengan lebih matang.

Sumber kewangan utama kebanyakan pelajar adalah pinjaman daripada pihak tertentu seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Bagi mereka yang bernasib baik pula, mereka akan menerima biasiswa atau tajaan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), yayasan negeri atau badan-badan korporat. Namun kebiasaannya, biasiswa atau tajaan ini hanya diberikan pada pelajar yang mempunyai keputusan yang cemerlang dalam akademik. Mereka tidak perlu membayarnya selepas tamat pengajian, tidak seperti peminjam PTPTN.

Selain kos perbelanjaan akademik seperti buku rujukan dan yuran pengajian, kekangan kewangan lebih dirasai apabila terdapat pelajar yang tinggal di luar kampus terpaksa membayar kos lain dalam jumlah yang agak besar. Maka, sudah pasti kos perbelanjaan harian semakin meningkat kerana banyak perkara yang perlu dibayar dan ditanggung seperti rumah sewa yang agak mahal, pengangkutan, keperluan harian serta bil api dan air.

Zuhaili Zakaria, Pusat Pengajian Farmasi 3, berkata oleh kerana beliau kini tinggal di luar kampus, beliau terpaksa mengecilkan perbelanjaan harian kerana kos sara hidup yang semakin tinggi dan banyak perkara yang perlu dibayar. Justeru, beliau membuat persediaan awal seperti membuat senarai keperluan sebelum membuat sesuatu pembelian. Kaedah ini sangat membantu dalam pengurusan wang tanpa perlu meminta duit daripada ibu bapa.

Penulis buku 'Kewangan dan Pelajar IPT', Siti Alida John Abdullah mengatakan bahawa jumlah perbelanjaan harian lebih tinggi dirasai oleh pelajar yang sudah berkahwin berbanding pelajar yang masih bujang, terutama pelajar lelaki. Hal ini kerana lelaki merupakan ketua keluarga yang bertanggungjawab menanggung perbelanjaan isterinya termasuklah kesihatan, kos sara hidup dan pakaian.

Bukan itu sahaja, sudah pasti pelajar juga memerlukan masa untuk berhibur bagi mengurangkan ketegangan yang dihadapi dalam pembelajaran. Oleh itu, hujung minggu adalah masa yang tepat untuk outing atau keluar bersiar-siar bersama kawan-kawan. Keseronokan kian terasa apabila mata seringkali terlihat potongan harga yang terpampang pada barang jualan di pusat beli-belah seperti pakaian, barang kosmetik dan beg. Walaupun tertera perkataan 'diskaun' pada barangan tersebut, kadang-kala harganya masih agak mahal kepada seorang yang berstatus sebagai pelajar. Contohnya, kasut yang ditawarkan potongan sebanyak 50 peratus iaitu RM 200 kepada RM 100.



SUMBER GOOGLE IMAGES

Dalam keadaan sebegini, pelajar perlu bijak menilai antara kehendak dan keperluan yang sebenar. Pada saat inilah keputusan sama ada mahu membeli atau menangguh hasrat itu akan menentukan jumlah duit yang terkumpul pada hari seterusnya. Sekiranya banyak duit yang dibelanjakan pada barangan yang hanya berlandaskan kehendak dan bukannya keperluan, maka tidak hairanlah ada dalam kalangan pelajar terpaksa makan mee segera di penghujung semester.

Melihat kepada cara membelanjakan duit, buku 'Ringgit dan Poket' oleh Alim Mohd Yunos ada memetik hadis yang mana Rasulullah s.a.w pernah bersabda yang bermaksud, "sebaik-baik perkara ialah yang sederhana". Penulis membawa pembacanya merenung faktor-faktor berbelanja yang terdiri daripada iklan, trend dan pengaruh rakan sebaya.

"Dalam Islam, kita digalakkan hidup bersederhana. Kita perlu mensyukuri nikmat Allah SWT berikan. Kita dituntut agar tidak membazir kerana ia amalan syaitan. Kita perlu ada konsep yang seimbang atau dalam islam dinamakan sebagai tawazun", jelasnya.

Di sini, kawalan perbelanjaan amat ditekankan. Hal ini kerana pelajar perlu ada sikap 'beringat-ingat sebelum kena' iaitu mereka perlu bersedia dengan sebarang kemungkinan yang akan berlaku pada kemudian harinya. Manusia tidak dapat menjangkakan apa yang akan berlaku, contohnya mungkin pada hari keesokkannya kita kemalangan, sakit teruk, memerlukan kos rawatan tinggi, atau motorsikal rosak. Kesemuanya memerlukan duit dalam jumlah yang banyak dan masa yang singkat. Duit simpanan yang sudah dikumpul sebelumnya boleh membantu kita pada waktu-waktu terdesak.

Selain berjimat dalam berbelanja, pelajar juga boleh memikirkan cara yang terbaik untuk mencari duit poket sekaligus tidak menjejaskan proses pembelajaran. Keadaan ini seringkali dilihat apabila terdapat ramai penuntut IPT cuba mengumpul duit poket dengan bekerja sambilan di mana-mana kedai yang berhampiran. Jika penuntut benar-benar terpaksa melakukannya, maka kesungguhan dan komitmen yang tinggi antara belajar dan bekerja adalah amat penting bagi membuatnya menjadi seimbang.

Menurut Mohd Aliff Mohd Nor dalam penulisan bukunya 'Part Time', beliau menjelaskan bahawa part-time ialah apabila seseorang bekerja selama empat jam sahaja iaitu memperuntukkan masa kurang dari lapan jam sehari. Kerja sambilan ini boleh dilakukan di bawah penyeliaan majikan atau bekerja sendiri. Apabila seseorang pandai mengatur aktiviti harian, maka ia mampu meningkatkan produktiviti kerja.

Keadaan ini boleh diibaratkan dengan kehidupan seorang pelajar yang menceburkan diri dalam bidang penulisan. Dengan memperuntukkan masa dengan menulis, pelajar ini mampu meningkatkan kemahirannya dalam bahasa. Namun, kemahiran ini perlulah digilap setiap masa.

"Dengan minat yang ada pada saya, saya cuba masuk ke dalam bidang penulisan novel. Ternyata bidang ini banyak membantu saya dalam kewangan memandangkan saya tinggal di luar kampus. Namun, belajar masih menjadi keutamaan saya", kata Najwa Ulfah Abdul Rahman, penulis novel 'Dia Imamku' dan 'Jadi Milikku'.

Oleh itu, penglibatan dalam mana-mana bidang atau kerja ketika belajar amat memerlukan kesungguhan yang tinggi di samping perancangan yang rapi dan betul supaya tidak menjejaskan prestasi akademik. Sungguhpun kos perbelanjaan agak tinggi bagi yang tinggal di luar kampus, namun perkara ini boleh ditangani dengan memahami keperluan dan kehendak sebenar seseorang supaya mempunyai kawalan belanja yang bersesuaian. Dengan adanya pengurusan kewangan yang betul, pelajar mampu membuat simpanan duit untuk kegunaan pada masa akan datang.

Peluh berlebihan simptom hiperhidrosis



SUMBER GOOGLE IMAGES

"Saya berasa lega dan bersyukur kerana masalah hiperhidrosis di tangan saya sudah pulih sepenuhnya. Selepas pembedahan tangan saya tidak mengeluarkan peluh yang banyak seperti dulu. Lebih senang untuk melakukan kerja dan bergaul dengan orang kerana tangan saya sudah tidak berpeluh lagi."

Oleh **NOR KHAMISAH SAIDIN**

Air yang menitik daripada tangannya menyebabkan Nor tidak keruan. Peluh daripada tangannya keluar tanpa henti menyebabkan dirinya kadangkala berasa agak sukar untuk bergaul dengan orang lain terutamanya apabila perlu bersentuhan atau bersalaman. Ramai yang tidak memahami penyakit yang dialami oleh Nor dan berasa tidak selesa dengan keadaan tersebut.

Situasi di atas menggambarkan penyakit *hiperhidrosis* yang terjadi dalam kalangan masyarakat tanpa mengira usia. Tapi tidak semua orang mengalami masalah hiperhidrosis seperti Nor. Masalah peluh berlebihan adalah suatu penyakit yang masih ramai tidak tahu. Menurut Perunding Pakar Bedah Cardiovascular dan Thoracic, iHeal Medical Centre yang dipetik dari *Utusan Melayu*, *hiperhidrosis* berlaku hampir dua peratus daripada jumlah penduduk dunia.

Hiperhidrosis ialah lebihan air peluh yang dihasilkan oleh anggota badan. Selalunya pada tapak tangan, tapak kaki, bawah lengan (ketiak) dan muka sering menjadi kawasan *hiperhidrosis.* Selain itu, *hiperhidrosis* juga boleh berlaku pada kawasan kepala, dada, belakang tubuh, pangkal paha, malah ada sesetengah individu yang mengalaminya satu badan.

Peluh yang dihasilkan oleh badan secara tidak terkawal disebabkan oleh kelenjar peluh yang aktif. Walaupun penghidap tidak melakukan aktiviti-aktiviti lasak, lebihan peluh yang terhasil menyebabkan individu yang mengalaminya berdepan dengan ketidakselesaan. Emosi turut menjadi faktor yang menyebabkan kadar peluh yang dihasilkan. Jika mengalami perasaan cemas, takut atau berdebar, individu yang mengalami *hiperhidrosis* akan menghasilkan peluh dengan lebih banyak.

Sehingga kini, punca *hiperhidrosis* masih lagi belum diketahui. Aktiviti saraf simpatetik yang terlampau aktif menyebabkan rangsangan kepada kelenjar peluh yang normal. Saraf simpatetik ialah saraf yang mengawal kelenjar peluh. Sebagai penghidap *hiperhidrosis,* masalah peluh yang tidak terkawal mempengaruhi kehidupan seharian. Bagi individu yang mengalami masalah *palmar hyperhidrosis*, peluh ditangan akan menyusahkan mereka untuk bersosial dengan orang lain misalnya apabila perlu berjabat tangan dengan pelanggan.

Peluh yang banyak dan tidak terkawal menyebabkan individu yang mengalaminya berasa janggal dan tidak mahu untuk bergaul dengan masyarakat. Banyak perkara yang bermain dalam fikiran untuk mengelakkan kejanggalan berlaku sekiranya mereka berada dalam masyarakat. Masyarakat tidak memahami sekiranya mereka berdepan dengan individu yang berpeluh sehingga menampakkan kesan pada baju. Masyarakat menganggap mereka pengotor, jijik dan pelik.

Penghidap *hiperhidrosis* turut mengalami masalah sekiranya ada aktiviti yang melibatkan sentuhan terutamanya tangan. Misalnya apabila bersalaman, individu yang mengalami hiperhidrosis pasti akan berasa risau kerana tangan mereka yang berada dalam kebasahan. Mereka risau sekiranya orang yang akan berjabat tangan dengan mereka berasa tidak selesa dan mengelap tangan selepas berjabat.

Seorang lagi penghidap *hiperhidrosis* Aliana Hamimi Amran, 22, berkata, penyakit ini menyukarkan dia untuk menjalani kehidupan seperti individu normal. Banyak kesukaran yang dihadapinya untuk menjalani kehidupan seharian kerana tangannya yang sentiasa berpeluh. Dia menghadapi masalah apabila ingin bersalam dengan orang lain ketika tangannya berpeluh. Perasaan malu akan timbul kerana masalah peluh yang dihadapinya.

"Saya perlu sentiasa membawa tisu bersama untuk mengeringkan tangan. Masalah peluh akan menjadi bertambah teruk apabila saya berada dalam keadaan yang berdebar. Adakalanya air peluh akan menitik dari tangan menyebabkan saya mengalami kesukaran untuk melakukan sesuatu perkara. Misalnya, masa sedang menjawab peperiksaan saya perlu melapik tangan dengan kertas supaya kertas jawapan tidak basah," katanya.

Menurut Pengarah Pusat Sejahtera, Dr Normala Abdul Wahid ada kaedah bagi menangani *hiperhidrosis*. Bagi individu yang tidak mengalami tahap yang kritikal terdapat beberapa cara yang boleh dipraktikkan. Penghidap *hiperhidrosis* boleh mengurangkan peluh dengan menjauhi faktor pencetus *hiperhidrosis* seperti makanan pedas dan alkohol, menggunakan *antiperspirant spray aluminium klorida* dan tidak memakai pakaian yang ketat yang menggunakan kain seperti nilon serta memakai pakaian berwarna hitam atau putih untuk mengurangkan tanda peluh.

Bagi yang mengalami masalah *hiperhidrosis* yang teruk, terdapat rawatan yang melibatkan perubatan dan pembedahan yang memberi kesan yang lebih efektif, tahan lama malah boleh menyembuhkan penyakit ini. Terdapat beberapa kaedah ubat-ubatan seperti *antimuscarinics*, rawatan *Iontophoresis* melibatkan kejutan elektrik, suntikan *Botulinum toxin* (Botox), dan pembedahan *Video-Assisted Thoracic Sympathectomy* (VATS). Setiap perubatan dan rawatan bergantung kepada tahap keseriusan hiperhidrosis dan saranan doktor.

Dalam pelbagai rawatan yang ada, VATS dapat memberikan kesan lebih baik berbanding rawatan lain. VATS boleh menyembuhkan hiperhidrosis ataupun mengurangkan peluh yang dihasilkan. Walau bagaimanapun, ada kemungkinan bagi individu yang menjalani pembedahan mengalami masalah perpeluhan di bahagian anggota badan yang lain. Misalnya masalah peluh di tangan berjaya diatasi tetapi bahagian kaki pula akan mengalami masalah peluh selepas pembedahan.

Masalah peluh selepas pembedahan turut dialami oleh Aliana. Menurutnya, kini masalah peluh yang banyak di tangan sudah berjaya diatasi tetapi bahagian kakinya pula mengalami masalah peluh. Dia sudah sedia maklum mengenai kesulitan yang akan berlaku setelah selesai menjalankan VATS. Walaupun peratus untuk berjaya mengatasi masalah peluh yang banyak adalah tinggi namun terdapat kemungkinan untuk penyakit ini terjadi semula atau berlaku di bahagian anggota badan lain.

"Saya berasa lega dan bersyukur kerana masalah *hiperhidrosis* di tangan saya sudah pulih sepenuhnya. Selepas pembedahan tangan saya tidak mengeluarkan peluh yang banyak seperti dulu. Lebih senang untuk melakukan kerja dan bergaul dengan orang kerana tangan saya sudah tidak berpeluh lagi. Tetapi kaki saya pula yang mengalami masalah *hiperhidrosis*. Saya hanya boleh menerimanya kerana sudah tahu akan kemungkinan yang akan dihadapi selepas pembedahan," tambahnya lagi.

Hiperhidrosis boleh menyebabkan keyakinan diri yang rendah terhadap individu yang mengalaminya. Masyarakat kebanyakannya masih lagi tidak mengetahui penyakit ini mempunyai persepsi yang negatif terhadap mereka yang menghidapnya. Walaupun tidak membawa maut, tanggapan buruk masyarakat menyebabkan mereka mengalami tekanan untuk bersosial. Penghidap hiperhidrosis boleh menerima pelbagai rawatan yang sedia ada untuk mengatasi masalah ini supaya boleh bersosialisasi dengan selesa tanpa kerisauan terhadap kebasahan yang dihasilkan anggota badan.

Kerajaan hadapi cabaran internet sebagai sumber maklumat



TERUJA...Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek (dua dari kiri), berkongsi cara penggunaan telefon pintar kepada golongan wanita yang menerima pakej telefonita selepas merasmikan pada Majlis Penghakupayaan Usahawan Wanita Merentasi Media Baru di Universiti Sains Malaysia pada hari Isnin, baru-baru ini.

Apabila internet menjadi sumber maklumat yang utama, kerajaan kini berhadapan dengan cabaran yang besar untuk mengeluarkan kenyataan rasmi dengan pantas bagi menghadapi isu ataupun krisis yang timbul.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek yang ditemui semasa merasmikan program Penghakupayaan Usahawan Wanita Merentasi Dunia Baharu di Universiti Sains Malaysia (USM), baru-baru ini berkata, dalam dunia berteknologi tinggi yang serba pantas ini, pendapat umum dibentuk dalam masa 12 jam selepas berita tentang isu ataupun krisis tersebar di dalam internet. Oleh sebab itu, badan-badan kerajaan berkaitan perlu mengeluarkan kenyataan rasmi dalam kadar yang lebih pantas bagi memastikan tiada sebarang pendapat umum yang negatif terbentuk.

Menurutnya, aliran pengurusan maklumat kini sangat berbeza berbanding pada era media tradisional. Internet telah menyediakan medium bagi rakyat untuk menyebarkan maklumat dengan pantas sebelum media dapat melaporkannya. Tanpa mengambil kira kesahihannya, pengguna internet mula bertukar pendapat dan akhirnya membentuk pendapat umum tentang isu berkaitan.

"Maklumat dan juga spekulasi tersebar dengan pantas disebabkan sifat dunia internet yang berkait antara satu sama lain. Bermula dengan tweet ataupun status di Facebook, berkembang kepada sebuah pertembungan pendapat oleh komuniti internet yang aktif dan juga agresif untuk meluahkan pendapat masing-masing", katanya.

Tambah Shabery lagi, kerajaan kini berusaha untuk mengejar kepantasan dunia internet dengan memastikan akaun rasmi mereka di media sosial sentiasa dikemaskini selari dengan isu semasa. Selain itu, kerjasama dengan syarikat telekomunikasi sentiasa ditingkatkan bagi memastikan kualiti sambungan internet dapat berdiri seiring dengan negara maju yang lain.

" Saya berharap pengguna internet dapat memanfaatkan medium yang dimiliki oleh mereka bagi menyampaikan info-info berguna dan juga mengelakkan penyebaran maklumat yang boleh diragui kesahihannya", katanya lagi.

Pengalaman pengurusan awam Itali jadi iktibar

Oleh **DEBRA WONG SER LIN**



Profesor Carmine (kiri) tengah mencerap soalan daripada peserta syarahan.

Seramai 80 orang yang terdiri daripada wakil agensi awam Pulau Pinang serta staf Universiti Sains Malaysia (USM) telah berpeluang menimba ilmu mengenai pemerkasaan sektor awam di sebuah syarahan umum yang diberikan oleh Prof. Carmine Bianchi daripada Universiti Palermo, Itali.

Syarahan umum yang diberikan tajuk 'Performance Management In The Italian Public Sector: Trends And Challenges' itu telah dianjurkan oleh Pusat Inovasi Dan Produktiviti Pentadbiran Awam (PIPPA) USM dan diadakan di Bilik Seminar PIPPA, Bangunan Eureka pada 27hb Feburari 2015.

Dalam syarahan tersebut, Prof. Carmine, seorang profesor dalam bidang perniagaan dan pengurusan awam, mendedahkan audiens kepada pengalaman dan proses pengurusan awam serta pengenalan sistem pengurusan prestasi (performance management systems) di negara Itali secara beransur-ansur daripada tahun 1970-an sehinggalah sekarang.

Selain itu, beliau turut menyatakan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pemerkasaan sektor awam di Itali serta cadangan-cadangan yang boleh meningkatkan mutu pengurusan sektor awam secara amnya.

Menurut Prof. Carmine, tujuan beliau memberikan syarahan tersebut di Universiti Sains Malaysia (USM) adalah kerana beliau inginkan pekerja sektor awam di Malaysia untuk mengambil ikhtibar daripada kebaikan dan keburukan sistem pengurusan sektor awam yang dilaksanakan di Itali untuk disesuaikan dan dijadikan sumber rujukan di Malaysia.

"Sistem pengurusan sektor awam di Itali banyak berunsurkan prosedur pengurusan yang dinyatakan secara hitam putih melalui undang-undang dan akta tempatan. Pada pendapat saya, ini menyebabkan sistem tersebut bersifat agak kaku dan kurang dinamik di mana sesuatu jabatan sektor awam dikawal oleh undang-undang serta penguatkuasanya secara luaran, padahal setiap jabatan tersebut ada ciri-ciri dan keperluannya yang tersendiri," jelas beliau kepada Berita Kampus.

Tambah beliau lagi, beliau harap bahawa wakil-wakil sektor awam daripada Malaysia dapat melihat pengalaman pengurusan prestasi dan sektor awam di Itali sebagai iktibar untuk memperkenalkan dan memperkasakan sektor awam di Malaysia dengan cara yang dinamik dan mampu membangunkan sumber manusia serta modal yang ada.

Menurut Penyelaras Program PIPPA USM, Cik Nurul Nur Farhana Yahya, penjawat awam dapat mengetahui perkembangan dan kaedah yang diguna pakai di luar negara melalui syarahan sebegini serta dengan mengeratkan kerjasama strategik antara universiti tempatan dan antarabangsa.

"Kerjasama strategik ini dilihat baik untuk bertukar pengalaman dan pengetahuan selain melihat amalan terbaik dan mempelajari cabaran yang dihadapi kerajaan di luar negara demi melonjak kualiti penyampaian perkhidmatan awam yang lebih efisyen," jelasnya.

"Kerjasama strategik ini dilihat baik untuk bertukar pengalaman dan pengetahuan selain melihat amalan terbaik dan mempelajari cabaran yang dihadapi kerajaan di luar negara demi melonjak kualiti penyampaian perkhidmatan awam yang lebih efisyen"

Tambah Cik Farhana, syarahan ini dapat memberi pendedahan tentang dasar dan strategi yang digunapakai dalam mewujudkan 'sistem pengurusan prestasi dinamik' dalam perkhidmatan awam.

Syarahan ini merupakan satu daripada beberapa siri projek kerjasama PIPPA dengan Universiti Palermo, yang telah menjadi rakan global strategik PIPPA sejak tahun lepas. Prof. Carmine akan mengetuai sebuah lagi program pemerkasaan sektor awam yang bakal berlangsung di Istanbul, Turki pada bulan April 2015.

STD 2.0 bantu kampung terpinggir

Oleh **MUHAMMAD FAUZI SAMSUDIN**

Selaras dengan konsep berkhidmat dan berbakti kepada masyarakat, Kelab Sains Politik (KESPOL) dengan kerjasama Kelab Perancangan dan Pengurusan Pembangunan dari Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan telah menganjurkan Program Siswa Turun Desa (STD) 2.0 pada 26 Februari hingga 1 Mac.

Menurut Pengarah Projek STD 2.0, Mohamad Faizal Haramaini, Kampung Pantai Besar, Batu Kurau, Kedah, dipilih berdasarkan tinjauan yang telah dilakukan bersama 10 ahli jawatankuasa program STD 2.0 untuk mengenalpasti isu dan masalah yang berlaku di kampung tersebut.

"Kami mendapati kampung ini mempunyai masalah dari segi liputan rangkaian telekomunikasi, penyalahgunaan daun ketum, perpecahan masyarakat disebabkan perbezaan ideologi politik, dan isu kesihatan yang disebabkan masalah ketidaksampaian dari segi maklumat dan jarak yang jauh antara kampung dengan pusat kesihatan", katanya.

"Kami telah merancang aktiviti secara rapi dengan memfokuskan masalah yang berlaku di kampung tersebut dan menjemput 15 agensi dari sektor kerajaan dan bukan kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Pusat Sains Negara dan lain-lain", tambahnya lagi.

"Kami sangat berpuas hati kerana program ini telah mencapai objektifnya lebih daripada yang kami jangkakan. Kami juga dimaklumkan oleh KPerak bahawa mereka bersetuju untuk menaiktaraf liputan rangkaian telekomunikasi di kampung tersebut. Bahkan, Ahli Parlimen Larut, Datuk Hamzah Zainuddin memberi dana RM10,000 untuk membaiki infrastruktur kampung", jelasnya.

"Dato Shahrul Zaman telah menaja sebuah meja ping-pong dan dua meja karom. Selain itu, PDRM juga telah mengambil tindakan untuk menebang pokok ketum yang tumbuh di sekitar kampung untuk mengelakkan penyalahgunaan daun ketum", jelasnya kepada Berita Kampus.

Program ini berjaya menarik perhatian 70 peserta terdiri daripada ahli KESPOL dan 3P. Antara tetamu terhormat yang hadir adalah Timbalan Menteri Luar Negeri Malaysia, Datuk Hamzah Zainudin, Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak, Dato Dr Muhammad Amin Zakaria dan Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Negeri Perak, Dato Shahrul Zaman.

EKSPEN platform kerjaya siswa-siswi

Kehangatan Ekspo Kerjaya dan Pendidikan (EKSPEN) ke-14 mulai terasa. Pelbagai kelainan akan dibawa pada tahun ini. Bermula dari 3 hingga 4 April, siswa-siswi dan pengunjung luar boleh mendapatkan maklumat mengenai kerjaya, peluang pekerjaan dan banyak lagi.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (HEPP), Profesor Adnan Hussein, EKSPEN ialah sebuah program tahunan anjuran Pusat Penempatan Graduan.

"EKSPEN adalah medium kepada siswa-siswi untuk mengetahui sebarang maklumat mengenai kerjaya. Pada tahun ini, EKSPEN memfokuskan kepada siswa-siswi USM untuk membantu mereka untuk mendapatkan pekerjaan selepas bergraduasi", jelasnya lagi.

Menurut Pengarah Projek EKSPEN 2015, Norsyazana Ahmad Zamree, pelbagai aktiviti telah disediakan untuk siswa-siswi tahun satu hingga tahun akhir dan pengunjung luar. Antaranya temuduga terbuka, ceramah kerjaya mengikut pusat pengajian, klinik resume oleh Mentor Rakan Siswa, klinik kaunseling dan lebih daripada 56 ruang pameran syarikat akan berlangsung selama dua hari.

"Temuduga terbuka akan diadakan sepanjang berlangsungnya EKSPEN dengan melibatkan lebih daripada 20 syarikat yang menyediakan lebih daripada 1,000 peluang pekerjaan kepada siswa-siswi dan pengunjung luar. Antara syarikat yang mengesahkan temuduga terbuka adalah CP Ardent Advisory Sdn Bhd, Sandisk Storage Malaysia Sdn Bhd, Public Bank Berhad, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Hicom-Teck See, ViTrox Corporation dan Adele Charlfon", katanya.

Kelainan EKSPEN pada tahun ini adalah memperkenalkan maskot dan bendera EKSPEN yang bertujuan sebagai satu simbol untuk menandakan EKSPEN semakin hampir dan akan dikekalkan pada masa hadapan. Pendaftaran bank resume juga akan diadakan untuk pelajar tahun akhir bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan.

Selain itu, Prof. Adnan juga menyeru siswa-siswi USM terutamanya siswa-siswi tahun akhir untuk merebut peluang yang ada dan hadir dalam keadaan yang bersedia untuk menjalani temuduga terbuka yang diadakan sepanjang program ini.

Siri Cakna Ilmu 1 ingin lahirkan generasi yang berjaya dalam kehidupan

Siri Cakna Ilmu 1 yang membawa tema 'Menjejaki Rahsia Ajaib Untuk Berjaya' anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Malaysia (USM) telah diadakan di Dewan Pembangunan Siswa 1 (DPS1) baru-baru ini.

Menurut Pengarah Urusan Osys Group, Dato' Muhammad Shahnaz Azmi, ada dua isu dalam kehidupan masyarakat hari ini iaitu kewangan dan perhubungan yang perlu diasingkan oleh generasi kini apabila keluar dari universiti.

"Berdasarkan kajian yang pernah saya baca, daripada 100 orang pelajar yang keluar dari universiti, sebanyak 90 orang pelajar akan gagal dalam hidup mereka dari segi kewangan. Manakala, 2 orang pelajar sahaja yang akan menjadi jutawan dan sebagainya", katanya.

Beliau menyatakan bahawa generasi sekarang perlu ada pengetahuan untuk menguruskan kewangan dan juga menjaga perhubungan tidak kira dengan keluarga, majikan dan masyarakat.

"Di Harvard University dan Oxford University, pelajar mereka telah beritahu bahawa majikan inginkan pekerja yang mempunyai 85% sikap yang baik dan 15% adalah kemahiran. Ini adalah kriteria utama yang mereka mahukan. Oleh itu, untuk peroleh kekayaan dan berjaya dalam kehidupan semuanya berkaitan dengan sikap dan pengurusan wang yang baik", jelasnya.

"Di Jepun, pelajar sekolah rendah mereka sudah tahu apa yang mereka inginkan dalam kehidupan. Dimana mereka ingin bekerja dan jawatan apa yang ingin mereka sandang. Mereka menanam sikap itu daripada mereka kecil lagi. Begitu juga di Korea Selatan dan China. Tapi di Malaysia, kita kekurangan sikap ini walaupun kita mempunyai kemahiran", jelasnya lagi.

Beliau juga menyatakan bahawa masyarakat kini gemar melabur, tanpa menyedari pelaburan yang semakin tinggi risiko semakin besar peluang untuk masyarakat alami kerugian. Oleh itu, pelaburan yang paling penting adalah pelaburan ilmu.


"Orang kelas bawahan menjalankan perbelanjaan sebagai contoh pendapatan atau aset mereka RM1 ribu dan jumlah yang sama juga mereka akan keluarkan sebagai liabiliti. Ini adalah mentaliti normal kebanyakan orang kelas bawahan. Kadang-kala mereka tidak miskin dengan kewangan tetapi mereka miskin dari segi minda dan ilmu. Oleh itu, setiap orang perlu belajar kerana semakin banyak kita belajar semakin banyak kita dapat jana pendapatan," tegasnya.

"Orang kelas pertengahan pula menjana pendapatan misalnya RM1 ribu namun mereka tidak keluarkan jumlah yang sama kerana mereka ini mempunyai mentaliti 'biar papa asal bergaya'. Masalah besar golongan ini adalah kad kredit kerana apabila kita menggunakan kad kredit, kita menggunakan pendapatan kita 5 tahun akan datang. Justeru, mereka akan meminjam wang di bank dan kemudian keluarkan untuk membayar segala perbelanjaan", katanya.

"Berbeza dengan orang kelas atasan. Apabila pendapatan mereka masuk, mereka akan simpan dalam beberapa tahun dan kemudian baru mereka akan keluarkannya. Apabila kita simpan, kita sebenarnya sudah memulakan pelaburan. Jadi, golongan mana yang anda inginkan, menerima keuntungan atau kerugian. Yang penting perlu berjaya dalam kehidupan", katanya lagi.

Menurut Pengarah Projek, NurSyifa Shahida Bahrin, tema yang dibawa kali ini untuk membudayakan keusahawanan di Universiti Sains Malaysia (USM) dan menyuntik semangat siswa-siswi untuk berjaya dalam kehidupan.

Kempen derma darah dapat sambutan warga USM



Salah seorang penderma darah yang menyumbang ketika Kempen Derma Darah yang diadakan di Tingkat 1, Dewan Tuanku Syed Putra, USM baru-baru ini.

Kempen Derma Darah anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) berlangsung dengan jayanya hasil kerjasama Jabatan Tabung Derma Darah, Hospital Besar Pulau Pinang (HBPP). Kempen berlangsung di Tingkat 1, Dewan Tuanku Syed Putra pada 3 dan 5 Mac lalu.

Menurut Jururawat, Suzaina Saad, sambutan dari siswa-siswi dan staf Universiti Sains Malaysia (USM) sangat menggalakkan. Pada hari pertama, kutipan darah yang berjaya diperoleh adalah sebanyak 62 beg dan kutipan darah pada hari kedua sebanyak 57 beg. Kutipan ini telah mencapai target kutipan darah iaitu sebanyak 50 beg sehari.

"Kebanyakan penderma terdiri daripada penderma tetap dan penderma baru. Pada hari pertama bilangan penderma tetap adalah separuh daripada jumlah kutipan darah manakala hari kedua majoritinya adalah penderma baru", katanya.

Beliau berkata lagi, kempen sebegini sangat bagus kerana memberi peluang kepada siswa-siswi untuk menderma darah. Kemungkinan siswa-siswi tidak berpeluang untuk menderma di luar. Objektif kempen ini adalah untuk menyokong siswa-siswi dalam menjalankan khidmat masyarakat di samping membantu HBPP membuat kutipan darah.

Menurut beliau juga, penderma perlu memenuhi kriteria seperti berat badan melebihi 45kg, tekanan darah stabil dan darah merah mencukupi untuk menderma darah.


"Proses pengambilan darah mengambil masa sekurang-kurangnya 40 minit", tambahnya.

Beliau turut menasihatkan penderma supaya mendapatkan rehat yang cukup, minum air dengan banyak untuk menggantikan cairan dalam badan, tidak dibenarkan beraktiviti lasak dan mengangkat berat dalam masa 4 jam selepas menderma. Sekiranya ingin bersukan, penderma disaran untuk menjarakkan selama 6 jam selepas menderma.

"Sekiranya terdapat kesan lebam di tempat suntikan, penderma dinasihatkan agar meletakkan ais kiub dan dilarang sama sekali meletakkan minyak panas kerana tindakan tersebut akan memudaratkan lagi kesan luka.

Menurut penderma, Syairah Suhaimi, ini ialah kali ketiga beliau menderma darah. "Tiada sebarang masalah sepanjang pengalaman saya

Masa, penentu segalanya



JUDUL The Theory of Everything
PENGARAH James Marsh
GENRE Biografi/ percintaan
PELAKON Eddie Redmayne, Felicity Jones, Charlie Cox, Emily Watson
DIULAS OLEH Ng Xiang Yi

Sebuah kisah cinta yang bermula di universiti, antara seorang pelajar astrofizik dengan seorang pelajar kesusasteraan. Apa yang bakal berlaku apabila sains bertembung dengan sastera?

The Theory of Everything, sebuah filem adaptasi karya Jane Wilde Hawking (bekas isteri Stephen Hawking), Travelling to Infinity: My Life with Stephen, menceritakan hubungan beliau dengan suaminya dari pertemuan kali pertama sehingga perkembangan kehidupan mereka sampai sekarang.

Pada saat Stephen Hawking (Eddie Redmayne) memulakan hubungan percintaan dengan Jane Wilde (Felicity Jones), dia menyedari bahawa sendiri dihidapi penyakit motor neuron dan dijangka hanya tinggal dua tahun untuk hidup. Stephen mula kecewa dengan hidup dan selalu mengasingkan diri di dalam bilik.

Walau bagaimanapun, kehidupan seorang bakal saintis terkenal dunia tidak terjejas dengan cabaran tuhan. Apabila Jane mendapat tahu keadaan Stephen, dia tidak putus asa. Pelawaan Jane untuk bermain bola kayu menjadi garis permulaan menguji hubungan mereka. Jane mencabar Stephen dengan berkata,

"Jika kamu tidak bangun dan bermain dengan saya, saya tidak akan balik ke sini lagi...untuk selama-lamanya."

("If you don't get up and play a game with me, I won't come back here again......ever.")

Bukan senang bagi seorang wanita untuk melepaskan kata-kata tersebut untuk membangkitkan semangat orang yang tersayang. Walaupun hati terasa sakit dan pedih, Jane masih memilih untuk berada di sisi Stephen dan sering menyatakan rasa cintanya.

Bagi penonton wanita, pastinya akan kagum dengan keberanian dan kegigihan Jane untuk berkahwin dan hidup bersama dengan Stephen selama tiga puluh tahun. Di samping perlu menjaga suami yang hilang upaya bergerak, Jane juga harus mengasuh tiga orang anak mereka. Tekanan dan masalah kewangan keluarga kian mendesak kehidupan keluarga Hawking sehingga akhirnya mereka bercerai.

Sesungguhnya, cinta Jane terhadap Stephen telah mengubahkan hidup saintis fizik tersebut. Dengan erti kata yang lain, jikalau tiada galakan dan sokongan daripada Jane, mungkin Stephen tidak mengecapi kejayaan seperti hari ini.

Filem ini bukan hanya sekadar menceritakan biografi tentang Stephen Hawking, tetapi lebih banyak mengambil sudut dari perasaan dan apa yang dialami oleh Jane semasa dia bercinta, berumahtangga, memikul beban untuk menjaga Stephen dan tiga orang anak serta melihat hubungan mereka berubah dari sehari ke sehari.


Pengambilan sudut cerita Jane memberikan filem ini lebih kelembutan dan membawa penonton menyelami perasaan hati beliau secara mendalam. Penonton seolah-olah mengalami sekali lagi apa yang pernah dilalui oleh Jane.


"Saya pernah cintakan awak", kata Jane.


Hubungan perkahwinan antara Jane dengan Stephen berakhir dengan ayat tersebut. Walaupun sakit hati, namun perpisahan itu tidak bermakna sesuatu yang tidak baik. Jane akhirnya melepaskan beban yang dipikul selama tiga puluh tahun manakala Stephen mencari semula semangat untuk mencipta kejayaan lagi dalam bidang sains fizik.

Eddie Redmayne, pemegang watak Stephen Hawking berjaya merangkul Oscar dalam kategori 'Pelakon Lelaki Terbaik' dalam Anugerah Akademi ke-87 pada baru-baru ini. Kemenangan ini membuktikan lakonan unggul yang dipersembahkan oleh Eddie sememangnya bukan sekadar lakonan biasa, tetapi telah menghidupkan semula Stephen Hawking pada zaman muda.

A tale beyond healing







TITLE The Healing Wars Trilogy (The Shifter, Blue Fire, Darkfall)
AUTHOR Janice Hardy
GENRE Young adult, fantasy
PUBLISHER HarperCollins
REVIEWED BY Michele Ng Heng Kim

Unlike any typical fantasy book, you will not find any elves, fairies, dwarves or wizards in this trilogy. In fact, it has no magical elements at all. It is a story of a healing ability that is life-saving yet deadly at the same time. This is a breath of fresh air to all fantasy lovers that are bored with the over-rated fairies and magical creatures alike.

Imagine a world where people known as Takers have the ability to draw pain and transfer them into stone called pynvium. Aside from that, Healers are trained Takers that not only take pain but heal injuries too. Pynvium does not store pain solely but can be made into weapon by enchanters. Healers and pynvium are so essential that they can be reason for war to start. Those who control the Healers and the pynvium mines are able to change the tide of the war.

In the middle of this is Nya, a war-made orphan. She is not a normal Taker that takes injuries and pain but she can shift it to another person as well. Her normal life goes haywire when her attempt to rescue her sister, Tali make her the target of the Duke, ruler of Baseer and its colony, Geveg who is interested in unnatural Takers. Nya is one of the unnatural Takers that he is interested in due to her growing ability. She is the only Taker that can empty pynvium filled with pain. In the midst of saving her sister, she got caught in the rebellion to overthrow the Duke. Her ability that she tries so hard to hide becomes her only means of survival and weapon.

The story pulls you into Nya's world effortlessly. The internal conflict faced by Nya is transferable through the pages of the book. Does she save her sister or her friends? Should she use her ability with the knowledge that it kills? You cannot help but feel the same torment or anguish felt by Nya in making those decisions.

The pace of the story is so engaging that you just cannot put the book down. You cannot help but to keep asking for more and Janice Hardy never fail to deliver to her readers. There are non-stop action in this trilogy from the moment Nya tries to save her sister to avoiding the Duke's tracker to catch her and finally, bringing the Duke down. The simple use of words and writing style makes it easier for the readers to connect with the book.

Aside from that, the idea behind the trilogy is unexpected. The idea of pain being able to be taken and transferred is unique. Normally, pain is a physical injury or mental suffering that one must undergo by themselves. To be able to rid the pain by transferring it to a stone is very fascinating. The originality of the idea is something for readers to look forward to.

Dragon Blade menyentuh emosi penonton



JUDUL Dragon Blade
PENGARAH Daniel Lee
GENRE Aksi/ Pengembaraan
PELAKON Jackie Chan, John Cusack, Adrien Brody, Lin Peng, Choi Siwon
DIULAS OLEH Asmah Ali

Jika berkata mengenai filem aksi peperangan, pasti para penonton akan membayangkan ada kumpulan atau individu kuat yang mendominasi. Berbeza dengan filem Dragon Blade yang lebih menumpukan kepada aspek keamanan dan perpaduan antara 36 kaum dari negara yang berbeza.

Filem ini ditayangkan pada 19 Febuari lalu, bersempena dengan sambutan hari Tahun Baru Cina 2015. Filem epik sejarah ini arahan pengarah dari Hong Kong, Daniel Lee yang membariskan pelakon yang cukup hebat dan berkarisma seperti Datuk Jackie Chan, John Cusack, Adrien Brody, Choi Siwon dan Lin Peng.

Filem berdurasi selama dua jam enam minit ini menampilkan watak HuoAn (Jackie Chan), berbangsa Han sebagai Komander Pasukan Perlindungan di Kawasan Barat Dinasti Han. Pasukan tersebut diamanahkan oleh maharaja untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan di kawasan laluan Sutera.

Konflik cerita bermula apabila Huo Ann memberikan perlindungan kepada General Rom, Lucious (John Cusack) dan tenteranya yang melarikan diri daripada Tiberius (Brody), kerana berebut takhta dengan adik bongsunya yang telah dibutakannya. Kemudian, mereka bersama-sama membangunkan semula bandar Wild Geese Gate yang telah musnah suatu ketika dahulu.

Salah satu babak menarik apabila mereka bersatu dan bekerjasama untuk membina semula bandar tersebut. Kegembiraan dan keamanan mereka hanya sementara apabila tentera Tiberius (Adrien Brody) datang menyerang Wild Geese Gate. Manakala babak yang mampu membuatkan penonton mengalirkan air mata adalah semasa adegan peperangan. Banyak nyawa yang terkorban termasuklah Putera Muda bakal Maharaja Rom. General Lucious pula dipukul dan diseksa sehingga buta oleh Tiberius. Pada masa yang sama kampung halaman Huo Ann juga diserang menyebabkan isterinya yang tersayang terkorban. Akhir sekali, Huo Ann berjaya menewaskan Tiberius dengan tangannya sendiri.

Tentu sekali aksi pertaruhan menjadi babak utama dalam filem ini. Koreografi pertarungan yang dilakonkan sangat hebat dan kelihatan berkarisma ditambah dengan sudut kamera yang membantu mencantikkan lagi setiap sudut babak pertaruhan tersebut. Salah satunya dapat dilihat dalam babak pertarungan antara Huo Ann dan Tiberius. Pada ketika itu, Huo Ann mengalami kecederaan akibat pertarungan sebelumnya, namun dapat mengelak serangan daripada Tiberius sehingga beliau berpeluang menyerangnya semula.

Walau bagaimanapun, jalan cerita filem agak perlahan di permulaan, di mana banyak melibatkan suara latar yang menceritakan mengenai sejarah Dinasti Han. Namun, berubah apabila dipertengahan cerita mula menarik dengan babak-babak pertarungan.

Secara keseluruhan, filem ini mempunyai mesej dan fokus utama yang ingin disampaikan iaitu mengenai kepentingan keamanan dan perpaduan dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum. Mesej cerita disampaikan dengan begitu berkesan dengan menampilkan kombinasi aksi, kegembiraan, kesedihan yang membuatkan para penonton tersentuh dan diakhiri dengan kemenangan yang membanggakan.

MPDFH, MPDJ tingkat kerjasama

Oleh **MOHAMED AFIQ AMANI MOHAMED NAHDIRSHA**

Majlis Penghuni Desasiswa Fajar Harapan (MPDFH) terus mengorak langkah melaksanakan kerjasama dengan Majlis Penghuni Desasiswa Jaya (MPDJ) melalui program Jambatan Muhibah Lestari Ilmu dan Semarak Budaya Timur di Bumi Sonata.

Menurut Penggawa Desasiswa Fajar Harapan, Dr Nik Haslinda Nik Hussain, kerjasama yang terjalin memberi peluang kepada kedua-dua pihak untuk menyumbang idea dalam menjayakan projek tahunan yang dianjurkan oleh MPDFH.

"Kerjasama ini secara tidak langsung membuka peluang untuk meluaskan jaringan perhubungan melibatkan Kampus Induk dan Kejuruteraan dan hal ini akan meningkatkan semangat muhibah di antara mereka", kata beliau.

Beliau berkata MPDFH dan MPDJ sentiasa komited dan berusaha sebaik mungkin memberikan komitmen dalam melakukan persediaan akhir sebelum bertolak ke Korea Selatan yang dijadualkan pada 23 hingga 29 Mac 2015.

Beliau juga melahirkan harapan agar kerjasama ini akan diteruskan pada masa hadapan dan turut melibatkan kampus Kesihatan.

Yang DiPertua MPDFH, Nur Hidayah Suri memberitahu program ini bermatlamat menjadikan MPDFH sebagai pusat pengembangan bahasa Melayu dan budaya dengan membudayakan Alam Melayu dalam pelbagai aspek melalui pelbagai aktiviti yang akan dipersembahkan di sana.

"Matlamat ini akan dicapai dengan komitmen padu dari MPDFH dan MPDJ sebagai sekretariat program. Melalui pelbagai aktivti yang dirancang kami yakin mampu memperkenalkan budaya timur secara tidak langsung kepada masyarakat di negara tersebut", tambahnya.

"Dalam memastikan matlamat tersebut dapat dicapai kami di barisan sekretariat program bertungkus lumus menghabiskan empat minggu cuti semester di Desasiswa Fajar Harapan semata-mata untuk menyiapkan tugas-tugas terakhir yang masih belum diselesaikan ", katanya lagi.

"Kami juga berhasrat untuk terus meluaskan kerjasama dari ketiga-tiga kampus melalui projek yang akan dijalankan pada masa akan datang. Kami yakin dengan adanya kerjasama ini mampu memberi impak positif terhadap semangat muhibah, pengurusan program dan keberhasilan yang akan dicapai", ujarnya.

> Kerjasama ini secara tidak langsung membuka peluang untuk meluaskan jaringan perhubungan melibatkan Kampus Induk dan Kejuruteraan dan hal ini akan meningkatkan semangat muhibah di antara mereka

Teater kongsi kisah Sultan Al-Fateh

Pencarian Bakat Pementasan Teater Sultan Al-Fateh vs Dracula anjuran Persatuan Mahasiswa Islam (PMI) telah diadakan di Foyer Restu pada 27 Februari yang lalu.

Teater ini diadakan bertujuan untuk memberikan kesedaran dan pengetahuan sejarah Sultan Al-Fateh dalam menegakkan Islam dan memberikan satu elemen moden islamik yang baru dam masih berteraskan syariat Islam kepada siswa-siswi.

"Kami mencari pelakon yang mempunyai pengalaman berlakon sebelum ini, dapat menjiwai watak dalam lakonan dengan baik dan mempunyai komitmen yang tinggi sepanjang latihan diadakan. Selain itu, paras rupa tidak menjadi kriteria dalam pemilihan pelakon. Kami mementingkan kualiti lakonan yang baik daripada peserta", ujar Ammar Amran, Pengarah projek Pementasan Teater yang bakal berlangsung pada 22 April 2015 di Dewan Budaya.

"Lebih peserta yang hadir. Kami memerlukan 15 pelakon yang terdiri daripada 10 muslimin dan 5 muslimat", tambah Ammar lagi.

Tambahnya lagi, cabaran yang terpaksa dihadapi adalah mengajar beberapa para peserta yang tiada pengalaman berlakon dan sukar membuat pilihan kerana kebanyakan peserta yang hadir menepati kehendak PMI.

"Saya berharap supaya teater kali ini akan dapat berjalan dengan lancar dan memenuhi kehendak penonton sama ada siswa-siswi muslim dan bukan muslim untuk menyaksikan persembahan daripada kami", ujar Ammar kepada Berita Kampus.

> Kami mencari pelakon yang mempunyai pengalaman berlakon sebelum ini, dapat menjiwai watak dalam lakonan dengan baik dan mempunyai komitmen yang tinggi sepanjang latihan diadakan.

NRIC 2015 cari ahli sekreteriat baharu

Sekreteriat Novel Research and Innovation Competition (NRIC) 2015 akan mengadakan pencarian ahli sekreteriat yang baru pada 10 dan 11 Mac 2015 di Dewan Utama Desasiswa (DUD), Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut pengarah perojek NRIC 2015, Chew Wei Wen, pencarian sekreteriat baru ini bertujuan memberi peluang kepada siswa-siswi USM melibatkan diri dalam program bertaraf antarabangsa.

"Di samping mendapat pendedahan dan pengalaman, sekreteriat juga berpeluang mempelajari sesuatu yang baharu. Pada tahun ini, NRIC 2015 lebih menekankan kesediaan sekreteriat untuk menggalas tanggungjawab serta memberi komitmen yang tinggi dan bukannya berlandaskan pengalaman semata-mata", katanya.

"Tambahan pula, NRIC ialah sebuah program bertaraf antarabangsa yang melibatkan universiti di rantau Asia seperti Singapura, Thailand, Indonesia, dan Brunei. Oleh itu, kami memerlukan tenaga kerja yang baru bagi memastikan program ini berjalan dengan lancar di samping mengukuhkan lagi nama USM di persada antarabangsa", tambah Chew lagi.

Chew menerangkan lagi bahawa program ini memberi penekanan terhadap penghasilan dan perkembangan penemuan-penemuan baharu khususnya dalam bidang sains dan teknologi, serta amnya dalam bidang seni dan sastera yang berstatus antarabangsa dengan mengutamakan golongan bawahan.

Sahabat MPP bantu MPP

Pencarian sahabat Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Malaysia (MPPUSM) yang diadakan pada 26 Februari lalu adalah bertujuan untuk membantu MPP dalam program-program yang bakal dilaksanakan.

Menurut Setiausaha Agung MPP, Mazni Mohd Zuki, sahabat MPP akan membantu MPP dalam menjalankan gerak kerja program-program MPP dalam pelbagai peringkat, untuk mendedahkan siswa-siswi dengan pengurusan perwakilan pelajar dan membuka ruang dan peluang kepada siswa-siswi untuk meneroka bakat mereka.

Selain itu juga, siswa-siswi yang terlibat dengan sahabat MPP juga akan menerima faedah seperti MyCSD dan akan menjadi calon utama bagi mewakili USM dalam program atau persidangan diperingkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

"Penyertaan siswa-siswi terhadap program sahabat MPP amat digalakkan kerana ianya mampu memberi manfaat kepada siswasiswi dari segi mengembangkan potensi diri dan menimba pengalaman baru", katanya.

Selain daripada membantu exco-exco MPP, sahabat MPP juga akan turut terlibat dalam membantu Majlis Tertinggi MPP dalam mengendalikan 10 program-program MPP yang bakal berlangsung semester ini.

PSR buat perubahan baru kepada atlet USM

Oleh **IAN LEONDY**

Pusat Sukan dan Rekreasi (PSR) Universiti Sains Malaysia (USM) membuat perubahan baru dari pelbagai aspek apabila mereka membantu atlet, pegawai dan jurulatih pada perjumpaan perlantikan kapten pasukan bagi setiap acara permainan pada 27 Februari bertempat di bilik mesyuarat PSR. Seramai lebih 40 orang wakil dari setiap acara hadir pada perjumpaan yang diadakan.

Atlet dari Kampus Kesihatan, Kelantan USM diberi keutamaan apabila PSR telah berbincang akan memberi sebuah bas untuk bersama-sama ke Kampus Induk USM, Pulau Pinang untuk menjalani latihan bersama pasukan bermula pada 4 Mac ini.

Dalam pada itu atlet bola keranjang USM mendapat kelulusan akan diberi lampu gelanggang dan pengubahsuaian lantai gelanggang yang baru. Mereka akan dapat keselesaan semasa latihan waktu malam tanpa gangguan masa kuliah atlet serta menaikkan lagi semangat untuk berlatih.

Turut hadir ialah pegawai dari PSR USM Ketua Sektor Penyediaan Atlet, Mustaffa Kamal Esa, Mahader Mokhtar, Ahmad Norafandy, Fazley Hasan, dan Eddie Norshamshidi. Mereka ialah Penolong Penyelaras bagi semua acara permainan.

"Perubahan sekarang adalah perlu bagi semua atlet kerana apa yang diutamakan adalah kemenangan pingat dalam mana-mana kejohanan tanpa mengira warna. Selain itu, komitmen atlet menjalani latihan adalah satu perkara diambil kira. Malah yang paling penting adalah konsisten diperlukan pada semua atlet yang bertanding dalam mana-mana kejohanan yang mereka sertai", kata Mustaffa.

> Perubahan sekarang adalah perlu bagi semua atlet kerana apa yang diutamakan adalah kemenangan pingat dalam mana-mana kejohanan tanpa mengira warna. Selain itu, komitmen atlet menjalani latihan adalah satu perkara diambil kira. Malah yang paling penting adalah konsisten diperlukan pada semua atlet yang bertanding dalam mana-mana kejohanan yang mereka sertai

SUKAN



CERGAS..Pasukan bola sepak USM Minden Tiger sedang memanaskan badan sebelum berlangsung perlawanan persahabatan dengan UiTM Pulau Pinang untuk meningkatkan prestasi di Stadium USM baru-baru ini. Gambar oleh Muhammad Suhaib Mohd Shapiee.

USM Minden Tiger mantapkan latihan

USM Minden Tiger berazam memastikan kehadiran mereka dalam Liga Bola Sepak Institut Pengajian Tinggi (Liga IPT) 2015 dapat memberikan saingan yang sengit kepada pasukan lawan.

Pengurus Pasukan USM Minden Tiger, Nazru Ismail berkata perlawanan persahabatan dengan UiTM Pulau Pinang adalah latihan untuk melihat posisi yang sesuai pemain kerana belum lagi memilih barisan kesebelasan utama.

"Saya melihat masih banyak lagi kelemahan barisan pertahanan dan tiada ketajaman untuk penyerang mencari penyudah tetapi bahagian tengah ada perubahan yang amat baik kerana dapat mengawal corak permainan", kata Nazru.

Beliau berkata, Liga IPT Divisyen 2 amat kompetitif kerana akan berlawan dengan pasukan hebat seperti Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Saya berharap pasukan USM Minden Tiger mendapat tempat antara satu hingga empat yang terbaik seterusnya cuba mendapat peluang bermain di Divisyen 1 ataupun kekal dalam Divisyen 2", katanya lagi.

Ketua Jurulatih, Ahmad Norafandy Mohd Yatim berkata latihan yang dijalankan adalah untuk memantapkan corak permainan dan meningkatkan kecerdasan pemain kerana cuaca sekarang yang panas.

"Sudah empat perlawanan persahabatan telah diadakan, menang satu dan seri tiga. Kesilapan pada perlawanan kali keempat ialah kesilapan yang tidak patut dilakukan kerana pemain leka seketika bertahan dan pasukan lawan terus melakukan serangan balas", katanya lagi.

"Saya berharap pasukan USM Minden Tiger dapat mengekalkan kedudukan dalam Divisyen 2 dan bonus jika dapat masuk bertanding dalam Divisyen 1", kata Norafandy.

Pasukan Petanque Wanita USM cemerlang di Port Dickson

Oleh **LEE KAM FEI**

Pasukan Petanque Universiti Sains Malaysia (USM) telah menyertai Kejohanan Petanque Terbuka Antarabangsa Port Dickson 2015 di Gelanggang Petanque, Port Dickson, pada 28 Februari hingga 1 Mac untuk acara bertiga lelaki dan bertiga wanita. Pasukan petanque wanita USM telah berjaya memasuki pusingan 16 terbaik untuk acara bertiga wanita dalam Kejohanan Petanque Terbuka Antarabangsa Port Dickson 2015.

Pasukan petanque lelaki USM II telah memasuki pusingan ketiga untuk acara bertiga lelaki. Pasukan petanque lelaki USM I hanya memasuki pusingan kedua untuk acara bertiga.

Menurut jurulatih petanque Negeri Sembilan, Atif bin Sheikh Ismail, terdapat 212 pasukan lelaki dan 128 pasukan wanita daripada 9 negara iaitu Thailand, Singapure, Indonesia, Brunei, Myanmar, Taiwan, Australia dan Filipina telah menyertai kejohanan tersebut.

Kejohanan Petanque tersebut telah menyediakan 52 gelanggang petanque untuk keperluan pertandingan. Penentuan kemenangan sukan petanque adalah pasukan yang berjaya mendapat 13 markah dahulu dan masa pertandingan adalah 2 jam.

Pasukan Petanque Thailand yang merupakan johan dunia dalam acara bertiga telah berjaya mendapat johan dalam kategori wanita dan lelaki.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Port Dickson, Dato'Ab Khalid Bin Mat telah merasmikan Kejohanan Petanque Terbuka Antarabangsa Port Dickson 2015 pada 28 Februari 2015.

Kejohanan Petanque tersebut dianjur oleh Majlis Perbandaran Port Dickson, Majlis Sukan Negeri Sembilan dan Persatuan Petanque Negeri Sembilan dengan kerjasama Persekutuan Petanque Malaysia.

Hoki USM atur strategi hadapi MASUM 2015



MANTAP...Pasukan Hoki Universiti Sains Malaysia (USM) tampil dengan semangat baru bagi menghadapi Liga Hoki Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang akan berlangsung pada Mac ini.

Pasukan Hoki Universiti Sains Malaysia (USM) siap sedia atur strategi bagi menghadapi Liga Hoki Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) pada Mac hadapan.

Menurut Jurulatih Pasukan Hoki USM, Dr Jamilsafri Saibon, pemain diberi latihan yang secukupnya melalui sesi latihan yang telah ditetapkan.

"Pemain telah menjalani latihan lebih awal sebelum sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini. Mereka menjalani latihan berbentuk kekuatan fizikal, kemahiran permainan secara taktikal dan sebagainya mengikut program yang telah dirancang", katanya.

Menurut Jamilsafri, pasukan hoki USM terdiri daripada pemain berpengalaman dan memiliki kemahiran tersendiri, namun semuanya hanya berfungsi jika mereka berada dalam satu pasukan.

Berikutan masa yang semakin suntuk, pasukan hoki USM terpaksa mengatur strategi yang lebih baik bagi menghadapi cabaran daripada pasukan lawan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Malaya (UM) masing-masing mempunyai pemain profesional seperti pemain kebangsaan berbanding pemain peringkat negeri bagi USM.

Jamilsafri berharap agar Liga Hoki MASUM kali ini, USM berada dalam kedudukan empat terbaik dalam liga tersebut.